

Jilid IV
No. 22



Hari Selasa
23hb Januari, 1968

PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGGAL KEEMPAT
PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3541]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 3572]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968 (Bachaaan Kali yang Kedua) [Ruangan 3572]

JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN [Ruangan 3655]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Selasa, 23hb Januari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu 'Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENKU MUHSEIN, BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P.
(Teluk Anson).

- .. Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- .. Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- .. Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- .. Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- .. TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- .. WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- .. DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- .. WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- .. TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- .. TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- .. TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- .. TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RENDEN, A.M.N. (Sarawak).
- .. TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- .. TUAN STANLEY HO NGUN KHU, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bahru Hulu).
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- .. TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- .. TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bahru Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,

- Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

Yang Berhormat DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

- .. TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- .. TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- .. TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- .. TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

- .. TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENTERI², AHLI² PARLIMEN, DAN AHLI² DEWAN NEGERI MENYATAKAN HARTA²

1. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) dapat-kah beliau meminta kepada semua Menteri², Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Negeri supaya menyatakan apa-kah harta² mereka sejak mereka di-pilih menjadi Wakil² Ra'ayat; dan

(b) ada-kah beliau akan mengambil tindakan jika ada bukti menunjukkan bahawa harta² ini telah di-perolehi dengan tidak diketahuhi chara-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu suka saya menjawab dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, suka hati.

Perdana Menteri: Yang Berhormat tentu-lah mengetahuhi bahawa Menteri² semua-nya ada-lah di-paksa *declare* asset mereka atau memberitahu apa yang ada hak² mereka. Tetapi, sa-lain daripada Menteri², ia-itu Ahli² Yang Berhormat daripada Senate dan Parli-men, mereka tidak di-paksa *declare*

asset-nya, kerana mereka tidak memegang kuasa yang boleh mendapatkan keuntungan daripada orang² ramai; mereka berkuasa menjaga bagaimana biasa seperti orang² lain juga. Jadi, bagi pehak orang yang bukan Menteri tidak-lah di-kehendaki *declare* dia punya asset.

Berkenaan dengan soalan (b), ia-itu ada-kah di-chadang hendak di-ambil tindakan di-atas orang² yang harta-nya berlebihan daripada apa yang di-declarekan, ini tidak berkuasa hendak menjalankan tindakan yang sa-umpama itu, melainkan terlebih dahulu kita ada sebab², atau terlebih dahulu kita ada *report* bahawa sa-saorang itu ada-lah tidak menjalankan kewajipan-nya dan menggunakan *office* dia atau jawatan dia untuk menchari faedah bagi diri dia.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Perdana Menteri sedar bahawa beberapa Menteri dan juga Wakil² ra'ayat mempunyai bukan sa-buah rumah sahaja, tetapi lebih daripada sa-buah rumah, bukan di-Ibu Kota ini sahaja bahkan di-Petaling Jaya juga. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sa-kira-nya sa-saorang Menteri yang bergaji \$3,000 sahaja bagaimana-kah beliau boleh mendirikan bukan sa-buah rumah sahaja tetapi lebih daripada sa-buah rumah?

Perdana Menteri: Ini, dia sudah memberi tahu sebab²-nya dan dengan sebab itu kita tidak menjalankan apa² tindakan kerana dia dapat berhutang mendirikan rumah itu. Jadi, sa-orang berhutang bukan ada salah, melainkan dia berhutang tidak di-bayar; dia *declare bankruptcy* baharu-lah salah. Yang Berhormat ini, dia suka hendak menchari salah pada orang sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menchari salah sahaja, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjaga nama baik Kerajaan Pusat (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri sedar, ada Wakil² Majlis Undangan Negeri², sa-belum beliau menjadi Wakil beliau boleh dikatakan seperti, dalam bahasa Inggeris, *Kampong Wallah* dan ada pondok sahaja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas beliau menjadi Wakil di-Majlis Undangan Negeri beliau tidak berapa lama lagi mempunyai Mercedes Benz 250. Bagaimana-kah Wakil ini, semua daripada Parti Perikatan, boleh dapat hutang untuk membeli kereta tersebut?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu, Kerajaan beri mereka pinjaman duit untuk beli motokar. Tetapi jikalau Yang Berhormat ada chadangan bahawa tiap² sa-saorang ada mengguna kuasa-nya atau jawatan-nya atau pangkat-nya sa-bagai Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini untuk menchari faedah bagi diri-nya, kita akan jalankan tindakan atas sa-saorang itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri salah faham; beliau berkata Wakil itu boleh meminjam wang daripada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya saya sa-orang Wakil Ra'ayat di-Rumah ini dan Wakil Ra'ayat di-Majlis Undangan Negeri Selangor, dan kedua² tempat saya ada bertanya boleh-kah saya meminjam wang untuk membeli kereta? Jawapan-nya, tidak boleh. Ada-kah Perdana Menteri sedar itu?

Perdana Menteri: Yang Berhormat M.P. tidak boleh; saya dapati State Councillor boleh. Jadi, dia pun hendak pinjam fasal apa? Duit dia banyak? (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan: walau pun saya tadi berkata saya sa-orang Wakil Ra'ayat Majlis Undangan Negeri Selangor, saya bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor, kata-nya tidak boleh meminjam wang. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentoh sedikit tentang bengkrap. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya hendak bertanya ini, ia-lah kalau sa-orang Wakil Ra'ayat telah menjadi

bengkrap boleh-kah beliau itu menjadi Menteri Muda, boleh-kah Perdana Menteri mengkaji perkara itu oleh sebab jikalau sa-saorang itu menjadi bengkrap maka bukan (*Ketawa*) saya hendak sentoh tentang Wakil ini, tetapi sa-saorang yang telah menjadi bengkrap maka beliau barangkali boleh terima rasuah. Oleh sebab itu boleh-kah Perdana Menteri mengkaji perkara ini dan boleh mengosongkan kawasan itu—ia-itu kawasan Bagan Datoh?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun soalan ini tidak termasuk di-dalam soalan yang dikemukakan kepada saya, tetapi dapatlah saya jawab soalan yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat. Menurut Perkara 48 di-dalam Constitution of Malaysia di-katakan, "Subject to this Article, a person is disqualified for being a Member of either House of Parliament, if he is and has been found or declared to be of unsound mind or he is an undischarged bankrupt".

Jadi barang siapa yang menjadi *undischarged bankrupt*, tentu dia tidak boleh menjadi Member Parliament ini; dan sa-kira-nya dia tidak boleh jadi Member Parliament ini, tentu-lah dia tidak boleh jadi Menteri atau Menteri Muda.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: berkenaan dengan Wakil² Ra'ayat yang mempunyai motokar banyak, saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama saya jadi Member of Parliament saya sudah beli 13 buah motokar—jadi erti-nya boleh jadi tidak ada Member Parliament dalam Dewan ini yang mempunyai 13 buah. Tetapi, sebab² mengapa 13 itu, itu ada-lah di-antara saya dengan taukey motokar itu—dia terek atau tidak-kah. Jadi, soalan tambahan yang saya hendak tanya kepada Perdana Menteri ini, ia-lah baharu² ini, dengan pilihan daripada Kesatuan kita di-Malaya juga, saya pergi hadhir Meshuarat Commonwealth dan saya singgah di-Geneva, saya bacha satu surat khabar berkenaan dengan Banking Scandal dan di-dalam Banking Scandal itu termasuk

banyak orang² dari negeri² yang sedang maju, ia-itu developing countries. Jadi, dapat-kah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita memberi jaminan bahawa negeri kita ini tidak terlibat dengan Banking Scandal di-Geneva.

Perdana Menteri: Ini perkara luas sangat, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak erti fasal banking, tambah pula banking scandal (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, with your permission I would like to ask a supplementary question in English. Just now, if I heard the Honourable the Prime Minister correctly, he read out the section regarding the membership of this House. Is he aware that a certain Member of this House and also a junior Minister of the Alliance Government has already been declared a bankrupt and, according to the Honourable Prime Minister, if he is an undischarged bankrupt, then he will have to cease to be Member of this House and of the Government. The question I wish to ask the Honourable the Prime Minister is whether he is aware of this item in the *Straits Times* today, and if so, what action will he take, or will the M.C.A. tycoons quickly get together and fork out the \$10,000 plus and get him discharged?

Perdana Menteri: Sir, this is a separate question entirely. But for the benefit of the Honourable Member—he is very inquisitive and sometimes very spiteful—I will say that if he is an undischarged bankrupt, then he will have to lose his seat in Parliament; on the other hand, if he tries and raises this money and pays off his debt, he will remain in this House. That is all there is to it. How he is going to collect the money, from his friends, or from some other debtors, that is entirely his business. As far as I am concerned, if he does not pay off his debt, he will lose his seat in this Parliament.

Tuan D. R. Seenivasagam (Ipoh): Sir, answers are being given to supplementaries, although they do not strictly arise. May I just clarify one

point only. I never intended to speak on this matter at all, but I think the answer from the Honourable Prime Minister

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, I have been generous enough to answer this question; but if he does want to bring this matter up, I would suggest that he give proper notice and I will be able to answer properly and fully.

Tuan Yang di-Pertua: I think we have gone beyond the scope of the question already.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, may I ask a supplementary question within the scope of this question, that is with regard to (b) of my question: is the Honourable the Prime Minister, aware that, as far as I know, several representatives of the people, whether in this House or in the various State Assemblies

Tuan Yang di-Pertua: That is already going beyond the scope.

Dr Tan Chee Khoon: I am talking of the increase in assets.

Tuan Yang di-Pertua: Whether he will take action if there is evidence of increase in assets that cannot be accounted for: your question now is

Dr Tan Chee Khoon: The question I wish to ask is that these representatives of the people have shown, as far as we can see from the outside, any piece of assets—at least, I cannot possibly think—that can be accounted for. Consequently, will the Honourable the Prime Minister either look into this matter, or ask the relevant authorities to look into this matter, because this is very closely connected with the question of corruption.

Perdana Menteri: A complaint must be laid before any action can be taken; the Honourable Member should know about this instead of asking all these unnecessary questions.

PILEHANRAYA MAJLIS TEMPATAN

2. Tuan C. V. Devan Nair bertanya kepada Perdana Menteri, memandangkan kepada jaminan tegas yang beliau buat di-Dewan ini pada 1hb Mach, 1965, tatkala mengishtiharkan penanggoohan pilehanraya² Majlis Tempatan, "Saya berjanji kepada Dewan ini, apabila keamanan terchapai, pilehanraya² ini akan di-adakan", ada-kah beliau akan memegang janji beliau ini dan mengadakan pilehanraya Majlis Tempatan dengan serta-merta memandangkan bahawa confrontasi dengan Indonesia telah pun tamat sejak dua tahun yang lalu dan Surohanjaya Penyiasat tidak lagi boleh menggantikan kuasa Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat suka saya menjawab bahasa Inggeris atau Melayu?

Tuan C. V. Devan Nair: Bahasa Kebangsaan pun boleh.

Perdana Menteri: Boleh, boleh (*Ketawa*). Yang sa-benar-nya, Royal Commission of Inquiry sudah pun dilantek untuk memereksakan atas Local Authorities ini ada-kah di-kehendakki menjalankan *election* dengan segeranya. Sementara ini report belum lagi sampai ka-tangan saya, tetapi saya suka juga beritahu kepada Ahli Yang Berhormat di-dalam masa persidangan Parlimen ini, saya suka hendak mengadakan satu meshuarat yang termasuk di-dalam-nya Wakil² daripada semua parti² supaya dapat kita berbinchang di-atas hal² *election* ini. Kerana pada masa ini, kita akan bersidang lama masa-nya dan kalau dapat saya nasihat², pendapat², daripada Ahli² daripada bukan Parti saya sahaja bahkan parti² lain, ini akan boleh menjadi guna yang besar, maka saya boleh menimbangkan report Royal Commission of Inquiry apabila tiba kepada tangan saya itu.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Prime Minister aware that many a time in the past, both by the Chairman of the Royal

Commission and, I think, also by the Minister for Local Government and Housing, there have been reports in the press that the Report of that Royal Commission would be ready by the end of last year. Now, last year has come and gone, we are in 1968.

The question that I wish to ask is this: as soon as the Report is ready and presumably when the Cabinet studies it—we are glad that the Prime Minister is now prepared to call an all-party meeting or conference to decide the fate of this local elections—will the Honourable Prime Minister give us an indication how long after the Report is received is the Government prepared to call this all parties meeting, because it is very important to all the people in this country that local elections should be held as soon as possible in consonance with the solemn pledge given by the Honourable Prime Minister on March 1st, 1965—and we are now in 1968.

Perdana Menteri: Sir, as I mentioned just now, I propose to call a meeting of members of all parties for discussion, even without receipt of the Report of the Royal Commission; and in that discussion I hope to gain some valuable advice from the Honourable Member, which I might use when I study this Report of the Royal Commission.

SARAWAK GENERAL ELECTION

3. Tuan Sim Boon Liang asks the Prime Minister to state what steps have been taken, if any, to expedite the machinery to prepare Sarawak for the next General Election.

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, in the report of the Delimitation of Parliamentary and State Constituencies in the State of Sarawak, under Section 96 (4) of Malaysia Act, 1963, it was recommended by the Commission that the election could not be held in Sarawak before October, 1968, because many difficult preparations have to be made—to prepare the electoral roll and so on. I can assure the Honourable Member that as soon as all these

things are ready, election will be held as has been recommended by the Election Commission.

KENYATAAN PENGARAH PENCHEGAH RASUAH BERKENAAN DENGAN PEGAWAI² WANITA LEBEH JUJUR MENJALANKAN TUGAS-NYA

4. Dato' Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar bertanya kepada Perdana Menteri, mengikut kenyataan dari Pengarah Penchegah Rasuah, pegawai² wanita lebih jujur dalam menjalankan tugas² mereka kerana belum pernah lagi pegawai² wanita terlibat dalam kejadian² rasuah, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengambil lebih ramai lagi pegawai² wanita bagi memenohi jawatan² penting Kerajaan di-masa yang akan datang.

Perdana Menteri: Menurut Pengarah Penchegah Rasuah, itu benar di-katakan pegawai² perempuan tidak ada report berkenaan dengan rasuah. Tetapi bukan-lah berma'ana-nya kerana dia itu kena-lah kita menolakan semua laki² dan mengambil perempuan² bekerja menjadi pegawai² Kerajaan. Sa-bagaimana biasa polisi kita sekarang ini, bagitu-lah juga kita menjalankan.

Jadi, jikalau ada keterangan atas barang siapa pegawai² Kerajaan yang makan suap kata-nya, itu Kerajaan ambil tindakan yang bagaimana biasa.

JAMINAN PERDANA MENTERI TENTANG MENUBOHKAN MALAYSIA

5. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah beliau tegoh dengan jaminan beliau tentang maksud Malaysia di-bentok.

Perdana Menteri: Soal ini saya tidak berapa faham, kerana Yang Berhormat tanya kepada Perdana Menteri ada-kah saya ini boleh memberi jaminan tentang maksud Malaysia di-bentok. Apa jaminan saya hendak bagi tentang Malaysia di-bentok, melainkan apa yang tersebut di-dalam Perlembagaan, atau pun Constitution of Malaysia?

Yang saya tahu, Constitution of Malaysia telah pun di-hormati dan di-jalankan dengan baik-nya. Jadi, apabila di-jalankan dengan baik-nya kita faham-lah bahawa segala maksud dan tujuan yang pehak Sarawak dan Sabah masok dalam Malaysia itu ada-lah di-jalankan dengan betul-nya; melainkan ada apa² yang tidak betul di-dalam-nya yang kita tidak hormat Constitution itu, atau pun bahagian itu, atau kita buat pelanggaran, atau terlanggar dengan Constitution itu, baharu-lah saya boleh jawab tentang² mana jikalau Ahli Yang Berhormat beritahu kepada saya. Sekarang di-tanya dengan *general question* sa-umpama itu beri jaminan di-atas Malaysia ada-kah jalan yang kebetulan, itu tidak dapat-lah saya hendak sebutkan di-sini.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada pun ra'ayat jutaan harapan jaminan di-Malaysia. Apa kesusahan ra'ayat di-dalam negeri di-pegangan oleh Malaysia. Yang telah sudah negeri Malaysia kita di-serang oleh Indonesia di-jamin oleh Malaysia. Ini wang kertas yang jatuh, apa sebab Malaysia tidak di-jamin, kerana ra'ayat sangat berat merasakan itu mata wang sudah turun. Itu-lah yang saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu fasal wang tidak ada tersebut dalam soalan ini (*Ketawa*).

**MENGERATKAN
PERSAHABATAN DI-ANTARA
MALAYSIA DENGAN RUSSIA**

6. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Luar Negeri, oleh kerana perhubungan diplomatik di-antara Malaysia dengan Russia telah di-adakan, dan untuk mengeratkan lagi persahabatan di-antara kedua² negara itu, ada-kah dia akan menimbang mengadakan lawatan ka-Russia atau mengundang Perdana Menteri Russia melawat negeri ini.

Perdana Menteri: Berkenaan dengan soalan ini, pertama-nya kita belum lagi mengadakan Kedutaan kita di-Russia itu. Jadi, berkenaan dengan soal yang kedua, saya belum dapat jemputan apa² bagi melawat di-Russia. Kalau

saya dapat jemputan, sudah tentu saya akan terima lawatan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita mendapat tahu bahawa orang² yang di-pandang intelek di-Malaysia ini dan juga tokoh² di-luar negeri amat berbesar hati, kalau sa-kira-nya Malaysia dapat menghantar satu orang yang bernama Dr Lim Swee Aun yang menjadi Menteri Perdagangan sekarang (*Ketawa*) sebagai Duta di-Soviet Russia.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Perdana Menteri menjawab, saya hendak bertanya, saya bersetuju sa-penoh² nya chadangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu hendak jawab: barangkali dia tidak hendak pergi. (*Ketawa*).

**BANTUAN DARI NEGERI²
EROPAH TIMOR UNTUK
MEMBIAYAI RANCHANGAN²
PEMBANGUNAN DI-MALAYSIA**

7. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan akan menerima bantuan dari negeri² Eropah Timor yang ada hubungan dengan kita sa-kira-nya mereka ingin membantu kita membiayai ranchangan² pembangunan negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tentu akan terima sa-barang pertolongan yang kita boleh dapat, tidak kira daripada mana sa-kali pun yang kita dapat pertolongan itu, kerana tiap² pertolongan ada-lah menjadi guna besar kepada kita dengan syarat-nya tidak ada, "*without strings attached*" kita kata, atau tidak ada maksud yang dalam.

**TERMS OF LOANS AND
ASSISTANCE FACED BY ASIAN
NATIONS—OFFICIAL
MALAYSIAN ATTITUDE**

8. Tuan C. V. Devan Nair (*dengan izin*) asks the Deputy Prime Minister

to state what the official Malaysian attitude is to one of the problems which he declared faced Asian nations in a speech he made on his recent visit to Manila, viz., the hardening in the terms of loans and the increasing tendency of tying bilateral assistance to procurement in the donor countries.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara ini berkaitan dengan wang international, saya mohon izin hendak menjawab dalam bahasa Inggeris.

Sir, these problems which I referred to in my speech to the Board Members of the Asian Development Bank in Manila are international in character and require for their solution, concerted action by all countries concerned, both donors and recipients. Now, while the imposition of relatively difficult terms of loans, may be necessary in view of the balance of payments difficulties now being faced by many developed countries, it is also to be recognised that such offers of credit become more commercial propositions and, therefore, cannot be constituted as real aid. Now, high level discussions on these problems are continuing in international forums, such as the I.B.R.D., I.M.F., the Development Advisory Committee, UNCTAD, and it is the hope of the Malaysian Government that solutions beneficial both to the developing countries and developed countries can be worked out in the near future.

Now, Sir, turning especially to the question of terms and the nature of credit, the Malaysian Government's view is that even the minimum capital requirements of developing countries cannot be met by world capital market which must operate on commercial terms. Only if donor countries supplement on liberal terms the available commercial supply of capital, will developing countries be able to satisfy their bare minimum requirements on terms which keep service within, what I would say, manageable limit. Now, the recent trend towards higher interest rate and also shorter repayment period is clear evidence that adequate supple-

ments to private market flows are not currently forthcoming. Now, the inevitable consequence of this will be to slow down growth in the developing countries.

Now, the tying of credit to procurement in the countries which offer assistance is an equally serious problem. It means that unless there are projects with a significant foreign exchange element, which can be purchased on competitive prices from the donor country, is tied offer of credit cannot be utilised. Now, in case of Malaysia itself, there are only a limited number of projects in the public sector with substantial direct foreign purchase element to which capital assistance can be tied. This is because the Malaysian economy is small, and basically agriculture, and does not have a public industrial sector of any size. At the same time, however, the local cost of project also have sizeable and indirect impact on imports. Because of these considerations the Malaysian Government would like to see a significant part of local purchases covered by capital assistance, which is not possible with tied lending for capital project, and these are the problems, Sir, which I pose in my speech to the Asian Development Bank in Manila.

ELAUN² RUMAH BAGI PEKERJA² TENTERA

9. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah Kementerian beliau sudah selesai mengkaji elaun² rumah bagi semua pekerja² tentera terutama sekali mereka² yang berpangkat dan jika sudah, bila-kah mereka² yang berke-naan akan di-beritahu mengenai kepu-tusan tambahan elaun rumah.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-buah Jawatan-kuasa Kerja telah di-tubuhkan untuk mengu-lang kaji dan memeriksa tangga-gaji anggota lain² pangkat dan juga elaun² bagi semua pangkat dalam Angkatan Tentera. Jawatan-kuasa Kerja ini sudah pun menyiapkan Penyata-nya dan telah menyerahkan

Penyata dan shor²-nya kepada Kementerian Pertahanan dan shor² ini sedang di-timbangkan oleh Kementerian saya dan saya harap keputusan akan dapat di-kemukakan kepada pehak Jema'ah Menteri untok mendapat pertimbangan pehak Kerajaan dalam sadikit masa lagi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): With your permission I would like to ask the supplementary question in English. Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Defence aware that in our November sitting of this House, he gave us much the same reply which is of no use at all to the lower ranks, in particular, of the Armed Services. Also, is the Honourable Minister of Defence aware that according to the Minister of Finance, who is sitting beside him, our cost of living index has arisen within the last year by 5, from 103.7% to 109% at the end of the year. Consequently, is he not aware that this rise in the cost of living hits in particular, very badly the people in the lower range. As such will he not hurry up this *timbangan* and the rest, so that members of the Armed Services not only do not have to tighten already a tight belt but perhaps go bankrupt as well?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, I am aware of the urgency of this matter. We have done everything possible to try to speed things up. It is true that the cost of living has gone up slightly, because of the increase in price of rice, but it has gone up very, very little—5%. So, the conditions are not all that bad and the members of the Armed Forces know that this matter is being looked into, and they know that soon a decision will be made on this.

**PENYIASATAN BERKENAAN
DENGAN KAPAL TERBANG
R.M.A.F. YANG TERHEMPAS
DAN LANGKAH² DI-AMBIL
UNTOK MENCHEGAH
KEMALANGAN INI**

10. Tuan Aziz bin Ishak bertanya kepada Menteri Pertahanan apa-kah hasil penyiasatan berkenaan dengan Kapal Terbang yang terhempas

baharu² ini di-mana beberapa orang pegawai² R.M.A.F. telah terbunuh, dan apa-kah ranchangan atau langkah² yang telah di-ambil supaya kemalangan² saperti ini tidak berlaku lagi.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-buah kapal terbang Pioneer berenjin dua telah jatuh terhempas dekat Senderut di-sabelah barat Kuala Lipis pada 28hb Oktober, 1967. Empat orang telah terkurban—2 Pemandu Kapal Terbang, Tentera Udara di-Raja Malaysia, dan dua orang lagi Askar Udara. Kapal Terbang tersebut pada masa itu sedang menjalankan tugas menggugurkan bekalan makanan atau Air-drop Supply. Pemandu Kapal Terbang itu ada-lah sa-orang yang ada pengalaman dalam menjalankan tugas-nya. Kapal Terbang itu tidak mengalami kerosakan enjin, atau teknik, kerana sa-belum perkara ini berlaku, peristiwa ini berlaku, Kapal Terbang itu telah di-nampak terbang saperti biasa.

Lembaga Penyiasat berpendapat bahawa oleh kerana keadaan chuacha pada hari itu sangat tidak baik dan, Pemandu Kapal Terbang itu tidak nampak kepada pokok di-sabelah hadapan-nya dan dengan sebab itu-lah perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, memandu Kapal Terbang di-atas kawasan² hutan di-Malaysia ini ia-lah satu perkara yang membahayakan, sebab kapal terbang terpaksa terbang rendah; kadang² chuacha tidak baik dan pemandu tidak nampak di-hadapan-nya itu-lah perkara yang sa-macham ini berlaku.

Pihak Ketua Turus Tentera Udara telah mengambil langkah menyiasat balek peratoran² menggunakan kapal terbang dalam keadaan yang sa-macham ini dan saya berharap peristiwa yang mendukachitakan saperti ini tidak berlaku kerap kali pada masa yang akan datang. Tetapi saya suka-lah menegaskan di-sini bahawa sa-lagi kita mempunyai kapal terbang, kadang² accident sa-macham ini berlaku, macham mana hendak kita jaga pun tidak dapat tiada berlaku, akan tetapi bagi pehak Kementerian dan juga pehak Ketua Turus Angkatan

Tentera Udara apa juga langkah yang patut di-ambil akan di-ambil untuk menjaga keselamatan bukan sahaja pemandu² bahkan keselamatan kapal terbang, sebab kapal terbang ini mahal harga-nya dan kita tidak mempunyai wang banyak untuk hendak membeli kapal² terbang tambahan daripada yang ada sekarang ini.

Tuan Aziz bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sunggoh pun Yang Berhormat Menteri telah menerangkan sebab² kemalangan berlaku tadi, boleh-kah saya mendapat tahu, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menukar kapal Terbang Tentera Udara di-Raja jenis lama seperti Twin Pioneer kepada kapal² terbang jenis baharu?

Tun Haji Abdul Razak: Twin Pioneer ini tidak-lah akan di-pakai lagi. Kalau yang ada ini habis tidak-lah di-gantikan lagi dengan kapal terbang itu, sebab kapal terbang samacham itu tidak di-buat lagi. Kerajaan sekarang membeli kapal terbang chara baharu Caribou, ia-itu kapal terbang yang di-perbuat di-negeri Canada.

ORANG² TAHANAN YANG DI-BEBASKAN DI-TAHANKAN SAMULA BERKENAAN DENGAN KEKACHAUAN DI-PULAU PINANG DAN UTARA TANAH MELAYU

11. Tuan C. V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa orang daripada 200 lebeh orang tahanan, yang telah di-bebaskan pada hari sa-belum perayaan Merdeka yang lalu, telah di-tahan samula berkenaan dengan kekachauan² di-Pulau Pinang dan Utara Tanah Melayu baharu² ini dalam bulan November dan Disember tahun lalu.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, tidak sa-orang daripada 200 orang yang telah di-lepaskan itu telah di-tahan balek, atau pun di-tahan sa-masa berlaku peristiwa di-Pulau Pinang.

BOM² MORTAR DI-JUMPAI DI-LADANG GETAH HARON, SELANGOR

12. Tuan Aziz bin Ishak bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa beberapa bom² mortar seperti yang di-gunakan oleh guerila² Vietkong di-Vietnam telah di-jumpai di-ladang Getah Haron di-Selangor sa-bagai yang di-laporkan di-*Utusan Melayu* 15hb Disember, 1967, ada-kah penyiasatan telah di-buat atas perkara ini, dan jika sudah, apa-kah keputusan penyiasatan ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, yang di-jumpai ia-lah 15 biji peluru² meriam padang (field gun shells) 75 mm yang sudah berkarat dan bukan-nya bom² mortar seperti yang di-gunakan oleh guerila² Vietkong di-Vietnam. Pehak tentera yang memereksa-nya mengesahkan peluru² itu perbuatan British yang di-keluarkan dalam zaman Perang Dunia Yang Kedua dahulu. Hasil pemereksaan menunjukkan peluru² itu tidak dapat di-gunakan lagi, sebab sudah lama bertanam dan pehak tentera telah pun memusnahkan-nya chara menenggelamkan ka-dalam laut.

INCREASE OF LEVEL OF INCOME TAX IN SARAWAK

13. Tuan Sim Boon Liang (Sarawak) (*dengan izin*) asks the Minister of Finance to state, in view of the undoubted hardships in Sarawak due to many factors and the ever increasing cost of living plus the lack of facilities and advantages in East Malaysia as compared with those of West Malaysia, whether the Government would suspend any further action to bring Income Tax into line with rates paid in West Malaysia until such times as conditions are more equitable in Sarawak.

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I commented on the level of taxation in East Malaysia *vis-a-vis* that of West Malaysia in my Budget Speech, and I would ask the Honourable Member to read that portion of my speech again in answer to his question, as I have nothing further to add to it. The Honourable Member

will then realise that those living in East Malaysia are much better off in the matter of taxation than those living in West Malaysia, while at the same time East Malaysian States are getting far more development funds than West Malaysian States on a *per capita* basis. In other words, those living in East Malaysia are getting the best of both worlds, while those living in West Malaysia have to pay for this privilege, which is now being enjoyed by those living in East Malaysia.

Tuan Sim Boon Liang: Is the Honourable Minister of Finance aware that in East Malaysia people have to pay trade licence fees, whereas the people in the rest of the States in West Malaysia have no need to pay the extra licence fees?

Tuan Yang di-Pertua: What is your supplementary question, please?

Tuan Sim Boon Liang: I had only touched on what the Honourable Minister has said—that people in East Malaysia are getting the best of both worlds.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, may I know what licence fees the Honourable Member is referring to?

Tuan Sim Boon Liang: Trade licence fees.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, he should know that that is a matter for the State Government and even I, unfortunately or fortunately, depending on the point of view, have no power to dictate to the State Government.

MENAIKKAN NILAI MATA WANG LAMA KAPADA NILAI-NYA YANG ASAL

14. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kepada Menteri Kewangan jika dia boleh memberi jaminan bahawa mata-wang lama yang telah diturunkan nilai-nya akan di-pulehkan nilai-nya kepada nilai-nya yang asal.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat tidak berasa tersinggong kalau saya

berkata demikian, soalan ini menjokkan bahawa Ahli Yang Berhormat tidak faham dengan perkara ini. Ia patut tahu bahawa sampai sekarang kebanyakan dari mata-wang lama telah di-serah kembali sa-sunggoh-nya hampir 90% telah pun di-tebus. Menaikkan nilai mata-wang itu supaya sama dengan mata-wang Malaysia akan tidak memberi faedah kepada mereka yang telah menyerah kembali mata-wang Malaya, kerana tidak-lah mungkin mengenal mereka lagi.

KEBAJIKAN 'AM MALAYSIA TERHADAP TURUN NILAI MATA-WANG LAMA

15. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kepada Menteri Kewangan memandangkan kepada turun-nya nilai mata-wang lama baharu² ini ada-kah dia telah menimbangkan juga kebajikan ra'ayat Malaysia seluroh-nya sebagai perkara yang sangat penting dan perlu di-segerakan terlebih dahulu.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut tentang perkara ini dalam Uchapan Belanjawan saya dan saya tidak ada apa² yang hendak di-tambah lagi.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana mata-wang lama ini ada juga di-chap muka Queen, atau muka King ada juga mata-wang lama ini, apa kena wang yang Malaya pun jatuh saperti wang negeri lain, itu-lah yang menghirankan kami. Lagi, dia jatuh, mahu tukar wang itu di-dalam office di-Marudi, tidak ada duit untuk menukar sampai sekarang—itu-lah hairan-nya, Tuan Yang di-Pertua. Orang susah bertambah susah, orang yang jauh datang akan menukar wang itu tidak dapat terpaksa-lah menukar sama taukeh, taukeh mahu juga terima dia dapat 20 sen kurang dari \$1. Orang menunggu pun lebih susah, tukar-lah dua kali rugi dalam mata-wang lama, atau mata-wang Malaysia pun jatuh. Itu-lah sebab-nya saya minta jaminan untuk orang miskin dan orang jauh, itu-lah nama Malaysia membuat hati ra'ayat berbelah bagi, rasa ra'ayat tidak berapa setuju jalan Malaysia, sebab wang sendiri pun

boleh jatuh, jaminan sendiri pun tidak di-pakai, itu-lah susah (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana hendak tambah, yang mula pun tidak menjawab? (*Ketawa*).

KEBENARAN DAHULU KAPADA GURU² YANG BERHAJAT MEMASOKI PARTI² SIAHAK YANG MENENTANG DASAR KERAJAAN

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pelajaran, oleh kerana Kerajaan telah mengumumkan bahawa guru² yang berhajat memasoki lapangan politik, hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian, jika tidak mereka akan di-hukum, ada-kah Kerajaan akan menimbang memberi kebenaran kepada guru² yang berhajat memasoki parti² siahak yang menentang dasar² Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berniat untuk menghalang sa-barang guru dari memasoki sa-barang parti politik yang menentang dasar² Kerajaan. Sa-benar-nya, ada-lah di-ketahui bahawa ramai guru² yang telah di-beri kebenaran dahulu ada-lah menchampion diri dengan parti² politik dari pehak Pembangkang.

Sa-lama ini semua guru² telah di-kehendaki mendapatkan kebenaran sebelum mengambil bahagian chergas dalam politik dan pengumuman yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, hanya-lah sa-mata² satu peringatan kepada guru² yang berkenaan dan surat pekeling yang di-shorkan itu akan menetapkan chara² memohon kebenaran itu. Tugas saya ia-lah menentukan supaya guru² yang mengambil bahagian dalam politik tidak mengganggu pelajaran murid² di-bawah jagaan-nya.

Jika sa-saorang guru yang di-bayar dari wang Kerajaan ingin bergerak chergas sa-bagai sa-orang ahli politik, maka ia boleh berbuat demikian tetapi ia mesti-lah meletakkan jawatan-nya.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah sa-lama kebenaran berpolitik pada guru² yang telah diberikan itu telah di-dapati oleh Yang Berhormat Menteri bahawa mereka telah menchuaikan tugas-nya sa-bagai guru, dan jika telah di-dapati apa-kah tindakan dan langkah telah di-ambil?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada yang di-dapati mereka telah menchuaikan jawatan mereka itu, dan tindakan yang sa-patut-nya telah pun di-ambil.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang dalam peratoran baharu ini akan memberi pertimbangan sa-mula kepada guru² yang dahulu-nya telah di-beri kebenaran berpolitik?

Tuan Mustapha bin Ahmad: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengambil tindakan sa-telah satu siaran pekeling telah di-keluarkan pada guru² supaya mereka itu sa-kira-nya hendak masuk bidang politik meminta kebenaran dahulu, jika maseh hari ini ada guru² yang masuk politik yang melebehi daripada sa-patut-nya sa-kira-nya ada kenyataan itu pehak Menteri akan mengambil tindakan yang tegas terhadap orang² yang demikian?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya. (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan. Ada-kah pertukaran guru² yang berlaku pada masa yang akhir² ini ada-lah satu daripada akibat langkah di-sebabkan oleh guru² berpolitik, atau pun tidak?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tidak (*Ketawa*), kerana satu contoh yang baik saya boleh beritahu kepada Dewan ini ia-lah Che' Gu Ahmad bin Abdul Rahman daripada Muar telah di-chadangkan di-tukar ka-Pahang, sunggoh pun dia itu ahli UMNO yang kuat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Terlebih dahulu saya menguchapkan terima kaseh kepada Menteri Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah terima kaseh (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: . . . sebab ada kaitan-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sekolah² di-bena chukup memuaskan hati dalam kawasan saya, tetapi yang tidak memuaskan hati ia-lah perimbangan membenarkan guru² mengambil bahagian dalam politik ia-itu guru² PAS—orang yang masuk Parti PAS terlampau sedikit, tetapi yang di-dalam Perikatan terlampau banyak. Tentang kemajuan itu saya puji. Jadi dapat-kah Menteri kita boleh memberi kebenaran supaya sa-imbang dengan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Boleh. (*Ketawa*).

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi tentang guru² yang chergas mesti-lah mengambil kebenaran lebih dahulu. Jadi, saya hendak tahu bagaimana-kah neracha-nya menjunjukkan sa-orang guru itu chergas atau tidak . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana neraka? (*Ketawa*).

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Perimbangan, Tuan Yang di-Pertua, hendak timbang yang dapat tahu sa-saorang guru itu chergas atau tidak.

Tuan Mohamed Khir Johari: Neracha-nya akan di-umumkan kemudian (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan. Ada-kah boleh kami di-sini mendapat tahu sehingga sekarang ini tidak ada neracha lagi?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tahu. (*Ketawa*).

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada-kah dengan langkah Kementerian Pelajaran ini melibatkan guru² termasuk dalam istilah guru² itu pen-sarah, atau mahaguru di-universiti.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini chuma guru² sahaja, tidak termasuk universiti.

TUDOHAN MAHASISWA² UNIVERSITI BAHAWA PENTADBIRAN UNIVERSITI DI-PENGAROHIL OLEH POLITIK

17. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar tuduhan mahasiswa² Universiti bahawa pentadbiran Universiti itu telah di-pengarohi oleh politik, dan jika benar, apa-kah tindakan Kerajaan berchadang hendak ambil atas perkara ini, dan jika tidak, ada-kah dia akan menyangkal tuduhan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang ada-nya tuduhan² seperti itu yang di-buat oleh mahasiswa² universiti.

KENAIKAN YURAN SEKOLAH—SEKOLAH² MENENGAH JENIS KEBANGSAAN—KESUSAHAN

18. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pelajaran, memandang bahawa naik-nya yuran sekolah bagi Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan akan menimbulkan kesusahan terutama-nya kepada mereka yang tinggal di-luar bandar yang hetong panjang kebanyakan-nya bergantung kepada harga getah yang telah turun sa-rendah²-nya pada masa ini, ada-kah Kerajaan akan menimbang samula perkara ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun telah di-timbangkan apabila keputusan di-ambil untuk menaikkan yuran sekolah, dan hasil-nya ia-lah peruntukan telah di-adakan (dan tindakan² telah pun di-mulakan) untuk menimbangan pemberian tempat² perchuma dan pengechualian daripada membayar yuran sekolah kepada mereka yang terbokti tidak mampu. Ini telah saya ikuti dengan membuat satu pengumuman mengenai dasar Kerajaan untuk mematohi prinsip, ia-itu "tidak sa-orang pun kanak² yang

layak akan hilang peluang-nya mendapat pelajaran sa-mata² oleh sebab² kemiskinan”.

Clearly, Sir, the British withdrawal from Malaysia will leave a vacuum, and the problem for us now is how to fill this vacuum. I would suggest, Sir, that we are now placed in almost a similar situation as we were before we got our independence. We have to make a momentous decision. It is a decision which, of course, has to be taken by the Government in power, and at the moment, the Alliance. But we, the citizens of this country, and especially the elected Members of Parliament, must do our duty by making constructive suggestions to the Government. It is in this light of making what I hope to be constructive suggestions that I am making a proposal, which I am now propounding. I would like to make it clear, Sir, that I have not discussed my proposal with the Prime Minister nor with my former Cabinet colleagues, nor with the other members of the Alliance Party. It is necessary for me to make this clear lest the Opposition will try to make a political capital out of this. I consider that the defence of this country is a national matter above party politics, and every loyal citizen of this country, if he or she has a constructive suggestion to offer, should not hesitate to do so, so that the Government can form

a defence policy based on the knowledge that it has considered all the opinions of all the loyal citizens of this country.

I have noted, Sir, the proposal of the Prime Minister to ask for a conference—a Five-Power Conference—consisting of Australia, New Zealand, Singapore, Malaysia and the United Kingdom, in order to discuss defence matters. I do not oppose this proposal, but I would suggest that we also consider other alternatives in case this conference either fails to materialise or, if it meets, it fails to bear satisfactory fruits. Before I enlarge on my proposal, Sir, I would like to preface it by trying to ask Honourable Members to concentrate on the political factors in this region.

First of all, the withdrawal of the British from this region—when I say “withdrawal” I mean she withdraws because she cannot effectively discharge her duties to this region—and the withdrawal of the Dutch and the French some years ago have left this region with no traces of the former colonial powers. Secondly, the famous SEATO, which was started a few years ago, is now no longer an effective force, because with France not playing an active part in it, and now with the withdrawal of Great Britain, this Treaty can only exist in name. The time is therefore, Sir, ripe for the countries in the region to declare collectively the neutralisation of South-East-Asia. To be effective, the neutralisation of South East Asia must be guaranteed by the big powers, including Communist China. Thirdly, it is time that the countries in South-East-Asia signed non-aggression treaties with one another. Now is also the time for the countries in South-East-Asia to declare the policy of co-existence, in the sense that the countries in the region should not interfere in the internal affairs of each other and to accept whatever form of government a country chooses to elect or adopt. I know, Sir, that this proposal may sound somewhat ambitious, but the alternative is so grave that it is worth trying.

The alternative to the neutralisation of Southeast Asia guaranteed by the Big Powers, including Communist China, is an open invitation by the region to the current Big Powers to make it a pawn in big power politics. The alternative to the signing of non-aggression treaty among the countries in the region is an arms race among themselves, which would be detrimental to their economy. The alternative to the declaration of the policy of co-existence is increased tension and subversion in the region.

Sir, as to the timing of and the method of implementing the proposal I have suggested, I would suggest that the Alliance Government take the incentive by consulting all the countries in the region before proceeding to the Five-Power Conference as proposed by the Prime Minister. This method has two advantages. First of all, the Government would know the reaction of the governments of the region to the proposal I have outlined, and, secondly, it would give the Alliance Government an opportunity to inform the governments of the region the intention of the Alliance Government for calling a Five-Power Conference as suggested by the Prime Minister. This consultation, Sir, with the governments in the region before proceeding to attend the Five-Power Conference is not only an act of courtesy but I consider also a wise diplomatic move. Thank you, Sir. (*Applause*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasisir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun saya dudok sa-bagai Ahli di-dalam Rumah yang bertuah ini, maka pada petang ini saya telah dapat mendengar satu ucapan yang mengandongi chadangan yang bergeliga sa-kali yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat, bekas Menteri Dalam Negeri dan bekas Wakil Tetap Malaysia di-Bangsa² Bersatu. Saya katakan ucapan itu bergeliga, ia-lah kerana ucapan itu merupakan satu pandangan yang bebas dari sa-orang anggota yang banyak pengalaman dalam hubungan politik *international*, banyak pengalaman pula dari segi kedudukan politik dalam

negeri ini sendiri. Memang-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa'at saperti sekarang ini ada-lah satu sa'at yang tepat sakali untok di-tinjau kembali dari segi pertahanan dan keselamatan negara kita. Chadangan penarekan keluar tentera² British dari Tenggara Asia ini termasuk Malaysia dan mungkin chadangan ini akan di-laksanakan mengikut apa yang telah di-renchanakan oleh Kerajaan ini sendiri, saya rasa ini memberi satu ilham baharu kepada negara kita untok menempoh satu jalan yang prektikal dalam menjaga keselamatan negara kita dan di-dunia sa-belah sini.

Pernah pada satu masa dahulu pehak kami dan beberapa² pehak lain telah pernah menjalankan supaya Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dan Great Britain itu di-tinjau sa-mula, di-kaji sa-mula, supaya dengan demikian akan dapat terchapai satu kesimpulan yang baik lebih² lagi melihatkan kepada keadaan perubahan politik dunia terutama-nya dunia sa-belah sini. Sambil itu, Tuan Yang di-Pertua, sambil mengkaji butir² dan nilai² saran yang telah di-sebutkan oleh Ahli Berhormat daripada Johor Timor, bekas Menteri Dalam Negeri itu, ada-lah juga menasabah bagi Kementerian Pertahanan sendiri meninjau kembali chara² pentadbiran dan chara² perlaksanaan sa-suatu-nya berhubung dengan Angkatan Bersenjata kita sendiri. Mengikut apa yang saya tahu banyak perkara² yang luar biasa yang berlaku di-dalam Angkatan Tentera kita ini saperti soal perkara-nya kechil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi besar erti-nya jika kita kaji dengan halusi. Soal membeli alat² senjata dan alat² yang lain untok di-gunakan oleh tentera pernah berlaku pembelian alat² itu tidak mengikut apa yang di-nasihatkan oleh pakar, pernah berlaku pembelian alat² itu mengikut kehendak orang² yang tertentu sahaja dalam Kementerian; saya tidak mahu mengatakan apa-kah tujuan-nya berlaku demikian tetapi saya mahu menguatkan kesah yang berlaku demikian itu. Pada hal kita tahu bahawa pakar² kita tatkala memberikan nasihat untok membeli alat² senjata dan alat² yang lain bagi kegunaan Angkatan Tentera kita sudah

pasti pakar² itu mengkaji tentang keadaan tentera kita, suasana negeri kita dan keadaan negeri kita sendiri. Dengan demikian nasihat daripada pakar yang mengetahui benar² keadaan yang saperti saya sebutkan tadi alat² itu akan dapat di-gunakan dengan sa-wajar-nya oleh Angkatan Tentera kita.

Saya suka memberi satu dua chontoh, atau mithal, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembelian alat² senjata dan alat² yang lain yang saya katakan tidak mengikut nasihat daripada pakar² itu, atau pun nasihat orang² yang ahli. Antara tahun 1966 dengan 1967 saya tidak dapat butir, atau ma'lumat yang terang tentang tarikh-nya Kementerian Pertahanan telah membeli lebih kurang 30,000 laras senapang patah untok kegunaan yang saya sendiri pun tidak tahu, boleh jadi untok kegunaan Pertahanan 'Awam, sebab senapang patah biasanya tidak di-gunakan oleh Angkatan Tentera, tetapi Kementerian Pertahanan telah membeli 30,000 laras senapang patah. Senapang patah ini, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah luar biasa kelakuan-nya, tabiat-nya luar biasa sangat, kalau lebih daripada 20 round di-tembak, maka laras-nya melentor ka-bawah hujung-nya. Dia tidak tahan daripada 20 kali tembak, lebih daripada 20 kali tembak laras-nya melentor ka-bawah, dan peluru²-nya pun luar biasa, kalau 5 biji di-tembak sa-tidak²-nya sa-biji yang malas meletop. Sekarang ini apa nasib-nya senapang² itu, Tuan Yang di-Pertua, di-simpan di-dalam setor, di-dalam tempat simpanan barang² bagi Angkatan Bersenjata itu, entah apa-kah hendak di-gunakan senapang itu pada masa yang akan datang tidak-lah di-ketahui, apa-kah dia akan menjadi besi burok yang akan di-jual ka-negeri Jepon, atau pun dia akan di-baiki kembali dan mungkin dapat di-gunakan. Itu satu chontoh Tuan Yang di-Pertua.

Chontoh yang kedua, dalam tahun yang berkenaan juga antara 1966 dengan 1967 Kementerian Pertahanan kita telah membeli lebih dari 200 buah kenderaan lori yang berat-nya 3 ton,

lori ashkar. Jenis lori itu saya kurang ingat; kalau tidak salah ingatan saya ia-lah jenis-nya termasuk keluarga Austin. Austin apa? Mungkin ada dia punya istilah-nya itu tiga perempat-kah, atau dua perempat-kah, tetapi keluarga-lah anak beranak Austin; berat 3 ton; 200 buah lebeh, mungkin sampai 300 buah lebeh. Alhamdullillah lori itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gear bawah, tidak ada low gear.

Dengan demikian dia tidak dapat mendaki, kalau naik bukit yang tinggi sedikit, atau jalan yang tinggi sedikit tidak larat dia hendak mendaki bukit itu, atau jalan yang tinggi sedikit.

Saya dapat tahu ada khabar² angin bahawa satu masa dahulu Kementerian Pertahanan chuba hendak menchari pasaran luar untuk menjual barang² *second-hand* kepada suadagar², tetapi malang-nya tidak ada saudagar pun yang teringin hendak membeli-nya, kerana apa-lah guna-nya lori seperti itu bagi mereka, sedangkan untuk membawa barang² ashkar seperti beras yang di-bawa oleh lori saudagar pun tidak berupaya hendak mendaki bukit² yang agak tinggi sedikit kerana tidak ada gear bawah. Di-mana dudok-nya lori² itu sekarang di-gunakan-lah pada tempat² yang boleh di-gunakan tidak dapat di-gunakan sa-ratus peratus oleh tentera.

Apa-kah erti-nya, Tuan Yang di-Pertua, lebeh daripada 200 buah lori harga-nya berapa ribu, berapa ratus ribu ringgit di-champorkan dengan 30,000 laras senapang yang berharga berapa million ringgit negara kita telah di-gunakan oleh Kementerian Pertahanan dengan chara yang tidak sa-benar; tidak sa-benar kata saya ia-lah kerana tidak mengikut nasihat daripada pakar. Ini, sa-bahagian kecil daripada chontoh yang dapat saya kemukakan kepada Rumah yang bertuah ini bagi di-insafi; kalau sa-kira-nya pehak Kementerian Pertahanan tidak tahu kejadian ini, patut-lah dia tahu; dan kalau dia tahu patut-lah dia sedar sedikit, sebab kalau dua perkara ini kita mengambil satu chontoh, mungkin ada beberapa chontoh yang lain lagi. Malang-nya, saya tidak mempunyai

masa yang cukup, Tuan Yang di-Pertua, untuk menchari chontoh² lagi, tetapi saya rasa dua chontoh ini ada-lah terlalu baik untuk menggambarkan bagaimana Kementerian Pertahanan kita dalam pembelian alat² senjata dan alat² perhubungan dan sa-bagai-nya untuk kegunaan Angkatan Tentera² kita.

Kita berkehendakkan satu Angkatan Tentera yang kuat. Kekuatan Angkatan Tentera tidak sahaja bergantung kepada pehak ashkar kita, tidak juga bergantung kepada pengetahuan yang ada dan kebolehan yang ada pada Angkatan Tentera kita, malahan bergantung juga kepada alat²-nya, bergantung kepada senjata-nya, atau bergantung pada kenderaan-nya kalau musuh-lah melanggar negeri kita ini, kata-lah daripada utara-lah, mithalannya, hendak berkejar-lah lori 30 buah itu, musuh sudah sampai ka-Pulau Pinang, lori kita baharu sampai di-Batu Road, di-hujung Batu Road itu. Ini-lah soal-nya. Jadi, di-samping kita mengkajikan chadangan² untuk kekuatan pertahanan kita, soal dalam Angkatan Tentera kita ini pun perlu di-kaji.

Berbangkit pula, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu soal² pentadbiran. Pentadbiran dalam Angkatan Bersenjata kita ini pun bukan saya mahu katakan bahawa pentadbiran sekarang ini kurang baik, atau pun tidak sempurna, tetapi saya harap mesti-nya lebeh sempurna. Sa-bagai satu chontoh Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Kementerian Pertahanan ini ada dua orang brigadier yang bertugas sa-bagai Pegawai Turus dalam Kementerian itu. Apa yang saya dapat tahu, dua orang brigadier ini tidak pernah sa-kali pun di-chuba untuk di-berikan peluang² yang baik untuk menambahkan pengalaman. Apa maksud saya kata peluang tadi ia-lah peluang untuk menjadi Panglima Brigade Jalan Kaki, mithalannya. Dia sentiasa dalam Bilek Operation, sentiasa dalam office, sentiasa menghadapi meja, tetapi tidak pernah menghadapi sa-chara Panglima Brigade Jalan Kaki, sa-bagai chontohnya ia-ini menghadapi chara pentadbiran tentera atau latihan tentera

di-luar daripada rumah, daripada office. Sudah lama mereka bertempat seperti demikian. Saya rasa amalan seperti ini kurang baik. Amalan seperti ini akhirnya kita akan dapat Panglima² Tentera kita yang tidak mempunyai pengalaman yang meluas. Panglima² Tentera kita yang mempunyai pengalaman yang terbatas; kalau dia ahli dalam Bahagian Bilek Operation, ahli itu sahaja-lah. Bila mana negeri kita ini menghadapi dharurat, atau huru-hara dan serangan dari luar, panglima² seperti ini biasa-nya tidak dapat memimpin Angkatan Tentera kita. Jadi, sa-waktu hendak melantek sa-saorang brigadier hendak menjadi Panglima Brigade Jalan Kaki, mithal-nya, patutlah orang² yang memegang jawatan atau yang berpangkat brigadier yang tidak pernah lagi menjadi Panglima Brigade Jalan Kaki itu di-beri peluang menjadi Panglima Brigade Jalan Kaki, dan orang² yang telah pernah memegang jawatan seperti itu menjadi Panglima Brigade Jalan Kaki jangan di-beri peluang lagi kepada dia; biarlah pula dia chuba merasa duduk dalam pejabat, menjaga Bilek Operation, atau sa-bagai-nya. Baharu-lah pertukaran pengalaman, pertukaran ini, pertukaran kebolehan dan sa-bagai-nya itu akan beredat di-antara pegawai² tertinggi kita dalam Angkatan Tentera kita sendiri. Jika tidak demikian, saya rasa perjalanan, atau kedudukan Angkatan Tentera kita akan pinchang. Demikian pula masalah kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera.

Saya rasa pengistiharan yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri satu masa yang lalu tentang kenaikan pangkat Pegawai² Pentadbiran ini tidak lagi bergantung kepada susunan kanan, tidak lagi bergantung kepada umur, tidak lagi bergantung kepada lama bekerja, tetapi bergantung kepada kebolehan-nya, bergantung kepada kegiatan-nya, bergantung kepada kesetiaan-nya atau sa-bagai-nya. Saya rasa apa yang di-istiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri kita itu tidak meliputi kepada tentera, sebab soal tentera ada-lah lain. Soal tentera ada-lah berlainan daripada

soal Pentadbiran 'Awam. Lama berkhidmat dalam tentera, banyak pengalaman yang di-dapati sa-chara prektikal. Kadang² orang yang baharu memegang satu² jawatan kurang pengalaman-nya dan sa-hingga sekarang ini pun saya belum jelas lagi, apa-kah chara yang sa-benar-nya dalam kaedah menaikkan pangkat di-dalam Angkatan Tentera kita. Apa-kah kaedah menaikkan pangkat itu tidak kepada susunan kanan dan kelayakan, atau pun kaedah menaikkan pangkat itu kepada kaedah mengikut Negeri di-mana dia datang, atau pun kaedah kenaikan itu mengikut pileh kaseh kata orang sekarang. Ini perlu di-jaga, kalau Angkatan Tentera kita di-kehendakki kuat dan tegoh. Kalau timbul-lah perasaan dan memang timbul perasaan dalam kalangan Angkatan² Tentera kita bahawa mereka di-ketepikan, mereka di-pileh-kasehkan, mereka di-P.J.K.,-kan dan sa-bagai-nya. Bukan bintang P.J.K.—ada istilah lain, saya rasa kalau perasaan ini timbul dalam Angkatan Tentera kita, ini erti-nya retak, ini erti-nya sumbing, ini erti-nya tidak kuat dan tidak tegoh.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perlu pehak Kementerian ini memberi perhatian terutama-nya Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menyemak kembali susunan chara² bagi menaikkan pangkat pegawai supaya jangan ada orang yang teraniaya dalam Angkatan Tentera kita dalam chara² menaikkan pangkat.

Sa-perkara lagi bila mana saya sudah berchakap dalam bahagian Kementerian Pertahanan ini biar-lah saya berchakap sedikit berkenaan dengan kedudukan sewa rumah. Pegawai² Tentera yang sa-tinggi² sa-kali pangkat-nya elaun sewa rumah-nya tidak lebeh daripada \$400. Pegawai Pertadbiran Awam, atau pun M.C.S. dan sa-bagai-nya, elaun sewa rumah-nya lebeh tinggi daripada elaun sewa rumah sa-orang Pegawai Tentera yang kanan. Ini pun kalau rumah itu rumah bersewa. Kalau rumah Kerajaan memang-lah tidak payah sewa. Kalau dia dudok rumah sendiri, satu sen pun dia tidak dapat terima elaun sewa rumah. Berlainan pula dengan Pegawai M.C.S.; kalau dia sewa rumah, sewa-nya akan

di-bayar oleh Kerajaan, kalau rumah sendiri pun di-nilaian berapa sewa rumah yang patut di-beri kepada pegawai itu sa-bagai elaun sewa rumah. Tetapi kalau Angkatan Tentera, Al-hamdu lillah, dudok rumah sendiri, free. Free berma'ana Kerajaan tidak bayar apa². Demikian juga kepada Pegawai² Angkatan Tentera kita yang berpangkat rendah. Sewa rumah yang sa-rendah²-nya di-antara \$20 dengan \$35 sa-bulan. \$20, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang askar biasa dudok di-Kuala Lumpur ini hendak chari rumah di-mana \$20. Paling banyak barangkali reban ayam yang di-baiki oleh tuan rumah itu di-taroh² papan, di-baiki sadikit, taroh semen di-bawah, maka di-ambil sewa rumah \$20. Kalau dia dapat dudok rumah Kerajaan—baik, bagus, facilities-nya chukup, tetapi kalau rumah sewa \$20 tidak chukup-lah. Kalau dia ada rumah sendiri, sewa rumah tidak dapat. Inilah yang perlu di-kaji oleh pehak Kementerian sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tinggalkan-lah perkara Kementerian Pertahanan ini biar-lah saya masukkan ucapan saya ini, hendak chuba² menyentoh sadikit berkenaan dengan belanjawan kita yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Memang-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar ra'ayat dalam negeri ini terperanjat dengan Uchapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Januari kelmari, orang surat khabar pun terperanjat mendapat tempat di-muka depan macham² berita. Mereka terperanjat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kerana agak luar biasa jika di-bandingkan dengan ucapan² belanjawan tahun² yang lepas. Biasa-nya sementara menunggu ucapan belanjawan—ra'ayat ramai, ra'ayat pembayar chukai dalam negeri ini berdebar² dada-nya, apa-kah lagi chukai baharu yang hendak di-kenakan kepada kami ini, apa-kah lagi tambahan chukai baharu yang akan di-kenakan dan kalau saudagar² pula menanti² apa-kah lagi chukai yang hendak di-kenakan kalau ada barang yang sudah di-beli tunggu sa-minggu dua sa-lepas budget, nanti mungkin chukai naik, barang itu

dapat di-jual agak mahal sadikit, macham² cherita, Tuan Yang di-Pertua, tetapi rupa²-nya ucapan kali ini tidak banyak chukai² baharu kechuali kenaikan sadikit sa-banyak pada beberapa perkara yang tertentu sahaja yang mengenai barang² kechil saperti sabun, Aji-no-moto dan lain².

Sa-lain daripada itu yang agak menggelisahkan sadikit ia-lah kenaikan chukai yang mengenai teksi, atau motokar sewa kata istilah orang Kelantan yang memakai injin diesel. Itu sahaja nampak yang menggelisahkan. Kegelisahan ini ia-lan wajar, kerana ia sa-chara langsung ada-lah mengenai ra'ayat, ra'ayat yang banyak menggunakan kenderaan² sewa sa-lain daripada bas. Saya perchaya barangkali Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan senang menjawab-nya kata dia orang ramai boleh-lah naik bas, menggunakan bas, sebab bas murah; sa-lama ini teksi² ini ambil tambang murah sangat sama dengan bas; ini rasakan sa-kali naikan chukai, baharu-lah naik tambang teksi. Bila naik tambang teksi, orang boleh pergi pada bas, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa bahawa tuan punya teksi² itu pun manusia hendak hidup juga kalau sampai hendak suruh dia merasakan, itu lain-lah cherita-nya, Tuan Yang di-Pertua. Langkah mengenakan chukai yang berbeza antara kereta² yang di-bawa masuk dari luar negeri dengan kereta² yang di-pasang di-Malaysia ini, pada pandangan saya ini menasabah. Ini ada-lah menasabah, ini ada-lah merupakan dasar perlindungan kepada perusahaan² dalam negeri, chuma apa yang kita hendak mengingatkan supaya jangan berlaku apa² sa-barang spekulasi dalam kaedah ini. Pernah berlaku dalam sa-buah negeri yang tak payah di-sebutkan nama-nya, yang mengenakan peratoran perlindungan yang lebeh ketat dari itu, ya-ani tidak membenarkan impot motokar² luar negeri dan mesti-lah membeli motokar² yang di-pasang dalam negeri itu sendiri. Ini berlaku-lah berbagai² hal, berlaku-lah corruption dan sa-bagai-nya di-mana motokar yang di-pasang di-negeri itu kadang² lambat keluar orang terpaksa menanti berbaris² hendak membeli, bukan dudok berbaris, berbaris dalam

senarai hendak membeli motokar itu, maka berlaku-lah macham² corruption, atau spekulasi dalam hal ini. Kita berharap tidak-lah berlaku saperti demikian.

Sejak lama dahulu, Tuan Yang di-Pertua, telah banyak orang² mengemukakan, orang² itu Yang Berhormat-lah mengemukakan saranan baik pada pehak kami, atau pun pehak yang dihadapan kami ini sendiri, saranan kepada Kerajaan supaya mengadakan dasar perlindungan kepada perusahaan dalam negeri terutama-nya perusahaan² ra'ayat bumiputra negeri ini. Sa-bagai contoh-nya ia-lah perusahaan batek di-Kelantan dan Trengganu. Sampai bila batek kita dapat mempertahankan diri dari perlawanan dengan batek² yang di-datangkan dari luar negeri saperti negeri Jepun dan Thailand? Soal batek ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah satu soal yang usang, tetapi tetap baharu; soal yang lama tetapi tetap baharu. Perlu-lah perkara perlindungan kepada perusahaan batek ini di-kaji dengan sa-baik²-nya dan perlu-lah di-berikan perhatian yang sa-elok².

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek juga mendengar satu kesah ganjil, kesah ganjil yang di-cheritakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dalam ucapan-nya antara cheritanya itu kata-nya sahingga sekarang kenderaan² perniagaan yang bertempat di-Malaysia Barat yang berniaga di-Singapura menanggung jumlah beban yang lebeh berat daripada kenderaan perniagaan yang bertempat di-Singapura yang berniaga di-Malaysia Barat. Sa-bagai umpaya-nya lori diesel bertempat di-Malaysia Barat yang berat-nya setakat sa-habis banyak di-benar apabila di-muatkan ia-lah 200 hundred-weight di-kehendaki membayar jumlah sa-banyak \$4,455 sa-tahun kepada Kerajaan² Malaysia dan Singapura, jika ia-nya hendak berniaga di-Singapura. Sa-balek-nya pula lori yang serupa yang bertempat di-Singapura ada-lah di-kenakan chukai-nya berjumlah hanya \$2,316 untuk berniaga di-Malaysia Barat. Sa-benar-nya beban chukai lori yang kemudian ini ada-lah kurang daripada beban kenderaan² perniagaan bertempat di-Malaysia Barat

yang berniaga di-Malaysia Barat sendiri. Demikian saya petekan sedikit daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang saya sifatkan sa-bagai satu cerita yang ganjil dan aneh. Keganjilan itu ia-lah berpuncha kepada soalan saya, sejak bilakah hal ini berlaku dan sejak bila pula kesedaran ini baharu datang? Sudah lama kita berpisah dengan Singapura, sudah lama Singapura itu menjadi sa-buah Negeri, sa-buah repablik yang merdeka dan berdaulat sa-sudah di-cheraiikan entah talak berapa oleh Kerajaan Malaysia, sama² di-setujui sudah lama. Apa-kah kejadian ini sejak dari itu sampai sekarang, atau pun kejadian baharu beberapa hari sahingga sampai-lah ucapan budget tahun 1968 ini baharu Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sedar berlaku-nya kepinchangan perbedzaan bagini hebat dalam satu segi sahaja, mungkin ada segi² yang lain. Sa-lama ini apa yang telah di-buat dan di-selideki oleh Yang Berhormat Menteri kita, terutama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita apa yang telah di-buat-nya sa-lama ini. Kok dia tidak selidek-kah, atau pun dia tidak tahu, tetapi tidak di-kemukakan kepada Menteri Kewangan kita dan sa-tidak²-nya mungkin, kita hehilangan sa-banyak \$1.5 juta dalam hal ini, kalau dari tahun dahulu mula² (start) lagi berpisah dengan Malaysia hal ini di-sedari dan di-betulkan waktu itu \$1,500,000 sa-tahun kita dapat menambahkan hasil kita dari sudut yang kechil ini sahaja.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini telah tidak faham oleh sebab Singapura sudah berpisah, walau pun sejak berpisah beberapa tahun, dua tahun masok tahun yang ketiga, tetapi peruntokan chukai² yang di-buat sa-tahun sa-kali. Jadi, apabila telah berpisah, dia ada dia punya chukai' mengikut pulau Singapura yang sa-jengkal barangkali—kita ini, Tanah Melayu, berapa ratus batu. Maka tentu lain dia punya itu. Belanja buat jalan-nya, maintenance jalan-nya, tetapi kita tidak boleh memaksa dia mesti sama dengan kita.

Tetapi baharu² yang telah kita dapat statistik sa-belum kita dapat satu perkara sa-kurang²-nya enam bulan, sa-tahun statistik berapa banyak lori² yang Ibu Pejabat-nya di-Singapura ada perbelanjaan-nya di-sini, dia gunakan lori dia pergi balek. Jadi kita dapat rayuan, kita ada statistik daripada lori² di-sini hendak berniaga dan kita siasat; ini-lah memakan waktu; bukan kita dudok diam sahaja.

Saya harap Ahli Yang Berhormat itu patut tahu. Tambahan juga lagi, sampai keluar berkenaan dengan teksi, saya tidak hendak berchakap, tetapi oleh kerana sudah sebut nama saya dua tiga kali ini, nampak saya macham batang sahaja dudok di-sini (*Ketawa*), saya pun bernyawa. Ini berkenaan kesah teksi tadi Ahli Yang Berhormat patut terima kaseh kepada Kerajaan Perikatan, kerana tidak ada dalam dunia ini, saya suka terangkan yang mana kereta sewa itu membayar chukai sa-paroh, kalau di-bandingkan dengan kereta pakai yang menggunakan diesel. Chuba Yang Berhormat terangkan kepada saya di-mana, sahinggakan saya terpaksa meminda Undang² Lalu-lintas hendak sesuai-kan kereta pakai membayar dua kali ganda daripada kereta sewa, tetapi dia tidak boleh bawa passenger. Ahli² Yang Berhormat pun ingat, kita luluskan pindaan itu pada tahun yang lalu. Dan apa-bila ada protest kereta pakai dan kereta teksi sekolah, kereta teksi sekolah sekarang tidak ada bayar chukai lagi \$36 tetapi dia kata kereta pakai, kereta sekolah, sama juga membayar dua kali ganda daripada di-bandingkan dengan kereta teksi yang memang mesti bayar lebih dan juga kita dapat rayuan daripada bas; bas Company pada sa-orang sa-tahun membayar \$200 chukai, tiba² teksi yang patut mesti lebih tinggi lagi daripada bas membayar sa-orang sa-tahun \$100.

Sebab itu teksi² ini berlawan dengan bas di-jalan² besar dan dia boleh membawa passenger sa-paroh harga daripada bas, umpama-nya menaikkan bas mengenakan bayaran satu batu 4 sen. Kereta teksi membayar sa-paroh chukai daripada bas, dia kena bayar

satu batu 2 sen. Ada-kah Ahli Yang Berhormat berkehendakkan taukeh² bas itu tutup bas-nya dan marahkan mereka kemudian orang ramai yang menggunakan bas-nya tidak ada peluang mesti naik teksi yang begitu mahal chukai-nya. Ini-lah kalau ta'-faham bertanya dahulu, berchakap memang senang (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji

Muda: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. Saya pun beri peluang untuk penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri itu dengan panjang lebar, saya pun hendak tengok chara dia jawab. Sapatut-nya dia boleh jawab waktu Menteri² menjawab. Jadi sa-benar tadi bukan penjelasan lagi, jawapan bertambah jelas bagi saya sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Kalau hendak minta penerangan biarlah saya beri keterangan yang jelas.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji

Muda: Ta' apa-lah, saya sudah faham itu lebih kurang (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah maksud saya kita hendak paksa Singapura mengikut kita dalam soal membayar chukai saperti yang di-sebutkan tadi—chukai lori ini, tetapi soal-nya kalau dia sudah buat begitu kita pun boleh buat begitu. Chuma, apa-kah yang dia buat begitu yang baharu awal tahun ini begitu, atau pun sudah sa-tahun dahulu begitu? Kalau sa-tahun dahulu begitu kenapa kita tidak buat begitu, baharu hari ini mahu buat begitu; itu soal-nya. Demikian pula, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kenaikan chukai terhadap kereta sewa yang memakai engin diesel, jadi itu pun saperti itu juga-lah dudok lojik-nya. Jadi, sudah dekat berapa tahun Yang Berhormat kita menjadi Menteri baharu-lah tahun 1968 ini terasa sedar, baharu teringat, baharu tersedar yang chukai di-bayar oleh kereta sewa ini berbagi dua lebih murah daripada di-bayar oleh bas dari perhetongan penumpang sa-orang passenger, baharu tersedar; itu soal-nya, kenapa dahulu tidak di-betulkan, sekarang baharu hendak di-betulkan, tetapi ta' apa-lah itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Chuma tahun lalu bukan beberapa tahun lalu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Ta' apa-lah itu. Tuan Yang di-Pertua, walau pun mungkin wujud-nya rasa kelapangan perasaan sa-tengah² kalangan atas kurang-nya kenaikan dan penambahan chukai² baharu pada tahun ini walau pun surat² khabar dalam negeri ini menamakan belanjawan tahun ini sa-bagai belanjawan tolak ansor, atau pun no tax shock dan sa-bagai-nya, tetapi bagi kami belanjawan tahun ini ada-lah belanjawan teka-teki. Satu belanjawan yang memungkinkan timbul-nya banyak pertanyaan, apa-kah kewangan negara kita telah begitu tegoh, apa-kah kewangan negara kita telah begitu stable timbul berbagai² pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuba hendak membawa Rumah yang mulia ini mengikuti salasilah perjalanan kewangan negara kita ini semenjak tahun 1964—semenjak tahun pilihan raya yang lepas; kita ini dekat hendak pilihan raya. Belanjawan negara kita masa itu, ya'ani tahun 1964 sa-banyak \$1,402 juta. Belanjawan ini bertambah sa-banyak \$100 juta tiap² tahun, bagi tahun 1965 dan bagi tahun 1966 dan lebih dari itu dalam tahun 1967. Penambahan belanjawan ini sa-hingga sekarang lebih dari \$530 juta, ia-itu lebih kurang 35% bertambah daripada Anggaran Perbelanjaan tahun 1964.

Tuan Yang di-Pertua, pehak kami di-sini pun memang mempunyai hati yang lembut juga, ada rasa simpati kami atas tekanan keadaan kewangan terhadap Kerajaan kita sekarang ini. Kami bersimpati-lah chara ringkas chakap-nya terhadap kedudukan Kerajaan Perikatan sekarang ini yang tenat sangat dalam soal kewangan ini, tetapi teka-teki yang terkandung dalam bentuk belanjawan tahun 1968 ini amat-lah mengelirukan sa-kali. Chuba-lah, Tuan Yang di-Pertua saksikan bahawa di-samping penambahan belanjawan tiap² tahun, kita menghadapi keadaan hasil, atau income negara kita yang tidak begitu menggalakkan. Ra'ayat dan pembayar² chukai dari tahun ka-sa-tahun di-minta bekerja keras bagi memenohi

kantong negara dengan serba nika chukai baharu dan penambahan² chukai² baharu yang mana kesan-nya di-rasa'i oleh ra'ayat dari sa-tahun ka-sa-tahun. Di-samping itu kita terpaksa menghadapi deficit tiap² tahun. Tahun 1964 jumlah deficit negara kita ia-lah sa-banyak \$392 juta; ini pun di-sokong oleh bertambah hasil negara lebih \$64 juta dari anggaran di-mana jumlah pendapatan bagi tahun itu ia-lah sa-banyak \$1,458 juta.

Dalam tahun 1965, Tuan Yang di-Pertua, kita deficit lagi sa-banyak \$519 juta, ia-itu \$120 juta lebih daripada tahun 1964. Pehitongan awal deficit bagi tahun 1966 ia-lah \$571 juta, tetapi sa-sudah di-semak nyata-lah deficit itu bertambah \$3 juta lagi menjadi jumlah-nya \$574 juta bertambah \$55 juta dari deficit tahun 1965. Bagi tahun 1967 belum lagi kita terima perangkaan yang pasti, tetapi nyata-lah mengikut anggaran mula-nya kita terpaksa menghadapi kenyataan deficit kita sa-banyak \$596 juta. Jumlah deficit ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama empat tahun yang lalu ia-lah sa-banyak lebih kurang \$2,081 juta. Dengan ini dapat-lah Rumah yang bertuah ini mengagak betapa tenat-nya penyakit kita, betapa terok-nya penyakit kewangan kita.

Gambaran untuk perubahan kepada yang lebih baik buat sementara ini maseh samar² lagi. Turun-nya harga getah dan bijeh yang mana kedua² bahan ini menjadi bahan utama bagi keutuhan kewangan negara kita memberikan akibat yang baik sa-kali bukan sahaja bagi negara malah bagi ra'ayat seluruh-nya. Dan sa-hingga sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, fajar sedeh belum menunjukkan wajah. Apa yang dapat kita lihat buat sementara ini-lah fajar sedeh dan itu pun mula kabor. Sikap Kerajaan sa-chara gagahan² membeli dan menyimpan getah² yang pada mula mempengaruhi jiwa pasaran getah dalam negeri ini di-mana ra'ayat di-beri peluang sedikit mengangkat bibir mata-nya, tetapi kini mulai samar². Ada kedengaran cherita, Tuan Yang di-Pertua, tentang saudagar² membeli getah sa-bagai orang² tengah telah berjaya sa-bahagian-nya menegohkan kedudukan mereka sendiri sedang ra'ayat²

di-luar² bandar yang menjadi pemotong² getah, atau pekebun² kecil hanya dapat menerima lilehan yang hampir² kekeringan. Keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah memberi kesan kepada kedudukan hutang negara. Keadaan yang seperti demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah memberi kesan kepada kedudukan hutang negara—public debt, apa-kah hutang negara yang bertambah dari satu masa ka-satu masa itu tidak akan menyebabkan pula kepada bebanan kepada tanggungan keturunan kita pada masa akan datang? Apa-kah ini semua-nya boleh melibatkan pula kepada simpanan emas dan pertukaran wang luar negeri Malaysia? Sudah tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja pun akan mengaku benar dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat pehak Kerajaan termasuk-lah Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri pun akan menjawab sama dengan saya—ya. Seperti yang saya telah sebutkan bahawa deficit negara kita bagi tahun 1964 dan 1965 masing² sa-banyak \$392 juta dan \$519 juta. Angka² deficit mengikut anggaran bagi tahun 1966 ialah sa-banyak \$571 juta jumlah deficit bagi tahun 1964 dan 1965 berjumlah \$911 juta. Ini telah dapat di-atasi dengan pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negeri dan juga daripada draw down kita. Pinjaman dalam dan luar negeri yang di-perolehi dalam tahun 1964 dan 1965 ia-lah masing² sa-banyak \$624 juta dan \$89 juta dan dari draw down pula ia-lah sa-banyak \$196 juta dan \$36 juta.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.35 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan bagi tahun 1967

yang telah di-kemukakan di-dalam Rumah yang berbahagia ini pada bulan January tahun lalu menggambarkan deficit sa-banyak \$596 juta, dan ini telah di-tutupi dengan pinjaman dari dalam negeri sa-banyak lebeh kurang \$300 juta dan pinjaman luar negeri sa-banyak \$150 juta dan \$119 juta dari draw down. Dengan demikian jumlah hutang negara dalam tahun 1964 yang berjumlah sa-banyak \$2,216.8 juta itu telah meningkat kepada angka \$2,693.7 juta dalam tahun 1965. Dan dalam tahun 1966 angka² itu telah bertambah menjadi \$3,011.1 juta, ia-itu menjadikan tambahan sa-banyak \$794.3 juta lebeh dari tahun 1964.

Tuan Yang di-Pertua, hutang negara dalam tahun 1967 mengikut rencana membuat tambahan \$450 juta lebeh dari tahun 1966. Maka dengan itu menjadikan jumlah hutang negara semua-nya ia-lah sa-banyak \$3,461.1 juta berbanding dengan \$2,216.8 juta dalam tahun 1964 dan ka-seluruhannya menggambarkan jumlah tambahan sa-banyak, semenjak tahun 1964 ia-lah sa-banyak \$1,244.3 juta. Keadaan kewangan yang membimbangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah terhenti sa-takat itu sahaja, ia-nya malah menyentoh pula kedudukan simpanan emas dan pertukaran wang luar negeri Malaysia.

Dalam tahun 1962 simpanan emas dan tukaran wang luar negeri Malaysia berjumlah sa-banyak \$2,553 juta. Pada akhir tahun 1965 angka itu telah jatuh kepada \$2,485 juta. Perangkaan awal bagi tahun 1966 menunjokan simpanan kita ini kepada angka \$2,368 juta. Kira² sa-chara berseh, reserve, atau simpanan kita itu telah susut sa-banyak \$189 juta dalam tempoh antara tahun 1962 hingga 1966. Kedudukan dalam tahun 1967 kami belum dapat memungut angka² yang tepat, tetapi pasti-lah gambaran-nya tidak akan lari jauh dari gambaran yang kami telah berikan itu. Lebeh² lagi dalam suasana menghadapi devaluasi-nya pound sterling. Siapa pun boleh memberi jaminan bahawa reserve, atau simpanan kita itu susut lagi dan akan susut lagi.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, mari pula kita melihat kedudukan kewangan bagi tahun atau bagi Anggaran Belanjawan yang sedang kita hadapi sekarang. Mengikut apa yang di-terangkan dengan ucapan belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu menggambarkan perbelanjaan biasa berjumlah sa-banyak \$1,932 juta, belum masuk kiraan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan anggaran hasil ialah sa-banyak \$1,882 juta, ia-itu kekurangan, atau deficit sa-banyak hanya \$50 juta sahaja. Tetapi bila dimasukkan kira Anggaran Pembangunan yang berjumlah sa-banyak \$680 juta, kemudian sa-sudah di-asingkan kira² penerimaan khas Anggaran Biasa, maka akan jadi-lah deficit negara bagi tahun ini sa-banyak \$618 juta yang menunjukkan perbezaan dengan tahun 1967 hanya sekadar \$22 juta sahaja. Kekurangan, atau deficit bagi tahun 1968 ini mengikut ranchana Kerajaan akan dapat di-tutupi, ia-itu dengan chara biasa sahaja-lah, ia-itu pinjaman dalam negeri sa-banyak \$400 juta dan pinjaman luar negeri sa-banyak \$200 juta.

Dengan angka² yang baharu ini negara akan menanggung hutang sekurang²-nya hingga akhir tahun ini ia-lah sa-banyak \$4,060.1 juta. Memandang kepada Anggaran Belanjawan biasa yang hanya lebeh \$1.7 juta sahaja dari anggaran tahun 1967 sekurang²-nya dapat-lah kita suatu rajah yang setatis atas gerakan tahun 1968 ini dan tentu-lah sa-bahagian daripada para Menteri Yang Berhormat akan sedikit gelisah, tetapi saya perchaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Jema'ah Menteri telah bersependapat bahawa biar-lah Jema'ah Menteri gelisah buat sementara waktu asalkan ra'ayat tenteram buat sementara waktu sa-belum menjelang-nya pilihan raya besar nanti.

Di-tambah lagi dengan sikap tidak akan menambah lagi pegawai² dan kaki-tangan² Kerajaan dalam tahun ini dapat-lah membantu kita sedikit sa-banyak dalam memahami bentuk Anggaran Belanjawan bagi tahun ini. Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa memilih dalam perkara ini satu

di-antara dua—sama ada bersedia menambah pegawai² dan kaki-tangan² baharu di-mana ratusan kelulusan universiti akan sedia menunggu di-champor pula dengan kelulusan² sekolah Menengah Atas yang di-buat dan Kerajaan terpaksa menambah jumlah anggaran-nya yang berarti menambah jumlah deficit-nya, atau menambah chukai baharu dengan menaikkan chukai yang sedia ada dengan banyak, atau menambah jumlah hutang negara baik dari dalam, atau dari luar negeri.

Yang kedua, Kerajaan kena-lah bersedia menghadapi penggangoran sachara besar²an dari masa² yang sudah² dan menghadapi tekanan politik yang tidak kurang pula hebat-nya. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah Kerajaan Perikatan bijaksana nampak-nya, apakala ia telah memilih jalan yang tenteram ia-itu mengelakkan kegelisahan ra'ayat dari tambahan chukai dan bersedia menghadapi hasil penggangoran kelas atas dengan janji² politik, atau dengan kelimah lain, tawaran² politik justeru sa'at hampir pilihan raya seperti sekarang ini ada-lah kekita-nya yang paling baik dengan kepanchingan seperti itu.

Dengan sedikit analisa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menemui jawapan yang lumayan atas teka-teki dari bentuk Anggaran Belanjawan tahun ini, ia-itu anggaran yang bersifat tambahan belanja yang sedikit, tambahan chukai yang sedikit dan tambahan deficit yang sedikit, yang semua-nya sa-olah² menggambarkan kesederhanaan, tetapi menokokkan hutang negara yang lebeh yang kesimpulan semua-nya merupakan sifat burung kaswari menyembunyikan kepala-nya dalam pasir untuk menemui ra'ayat sa-kali lagi dalam suatu pilihan raya besar yang mungkin diadakan dalam bulan Oktober tahun ini, atau sa-lewat²-nya awal tahun hadapan, walau pun Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah dan akan tetap memberikan jaminan lagi bahawa tidak mungkin pilihan raya akan di-adakan tahun ini, namun kemungkinan-nya payah juga untuk menepis dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masaalah devaluasi-nya pound sterling—turun-nya nilai pound sterling, ia-itu suatu maudzuk yang tidak kurang pula menarek-nya di-mana oleh sa-orang tokoh dari parti yang memerintah dalam Dewan Senate telah disarankan agar perkara ini di-bahathkan dalam sidang Parlimen khas, kerana kita semua tahu akibat dari devaluation pound sterling itu ikut pula jatohnya nilai mata wang lama kita. Kita tidak membahathkan kerana apa pound sterling telah di-devaluasikan dan patut-kah ia-nya di-devaluasikan. Itu bukan-lah kerja kita.

Kerajaan British berhak melakukan sa-suatu sesuai dengan kepentingan negara-nya sendiri. Soal-nya ia-lah apa-kah ia-nya itu melibatkan kedudukan kewangan kita sendiri. Cherita kemungkinan jatohnya nilai pound sterling itu telah lama di-perkatakan orang. Apa-kah Kerajaan tidak sedar bahawa kemungkinan itu akan berlaku? Sa-sungguh-nya ketidakan sedaran Kerajaan di-tambah dengan sikap terlalu perchaya kepada pengakuan dan jaminan Kerajaan British menyebabkan pemerintah kita menghadapi peristiwa devaluasi pound sterling itu dalam keadaan terperanjat dan bingung.

Sa-bagai akibat-nya nilai mata wang kita yang lama ikut di-turunkan dan ini menyebabkan Kerajaan sendiri telah melanggar jaminan-nya yang telah di-berikan kepada ra'ayat pada masa yang lalu. Kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan telah menggesa ra'ayat supaya menukarkan wang lama-nya kepada wang baharu. Tetapi desakan yang saperti itu sahaja tidak boleh menjadi alasan Kerajaan untuk berlepas tangan sahaja atas kerugian ra'ayat. Kami rasa ada-lah adil kira-nya Kerajaan memberi sedikit peluang yang terbatas bagi ra'ayat menukarkan wang lama-nya kepada wang baharu sa-baik sahaja menerima keputusan jatohnya nilai pound sterling itu, kata-lah dalam tempoh satu bulan. Tetapi kini telah timbul pertanyaan di-kalangan ra'ayat apa-kah benar wang lama kita itu di-sandarkan kepada pound sterling, atau di-

sandarkan kepada simpanan emas dan pertukaran wang luar negeri serta kekuatan ekonomi negeri kita dan negara² yang bersharikat dengan kita dalam menggunakan wang lama itu. Jika benar-lah wang lama kita itu di-sandarkan kepada pound sterling kenapa tidak di-timbolkan, atau di-rundingkan penyelesaian-nya sa-baik sahaja kita Merdeka, atau sa-lepas terbentok-nya Malaysia, atau sa-lewat²-nya sa-lepas berpisah-nya Pulau Singapura dari Malaysia. Bukan-kah ini satu ketaksiran yang memalukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Yang Berhormat Menteri Kewangan amat bijaksana dalam menangkis dan menjawab tegoran² pehak Pembangkang, malah dalam ucapan belanjawan-nya pada 19 haribulan Januari yang lalu beliau telah chuba beri jawapan dalam perkara ini sa-belum di-tegor, atau di-keritik. Bahawa disamping beliau menyatakan yang kita telah kerugian \$14,000,000 dalam Kumpulan Wang Am, \$20,000,000 dalam Kumpulan Wang Penjelas Hutang dan \$4,000,000 dari Kumpulan Wang Khas Tanaman Modal Sterling yang berjumlah kerugian itu sa-banyak \$38,000,000 maseh sempat Yang Berhormat Menteri itu menempekan kalimat untong manakala hutang sterling Kerajaan kita di-potong \$58,000,000 pada 17hb November tahun 1967, kerana turun-nya nilai wang sterling itu.

Kami rasa satu penyataan ma'af yang halus dari Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, bahawa sungguhpun kita rugi \$38,000,000 tetapi kita dapat balek \$58,000,000 erti-nya kita maseh untong \$20,000,000 juta. Itu-lah maksud ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, pada hal jika Kerajaan kita sentiasa berwaspada akan kedudukan wang sterling dari awal lagi, jika Kerajaan kita insaf dan sentiasa melihat suasana perjalanan sterling, saya kira negara kita tidak akan rugi \$38,000,000 juta malah akan berkeuntungan sa-banyak \$58,000,000 juta berseh dan ra'ayat kita tidak tertindas oleh akibat turun-nya nilai wang lama kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berchakap banyak tadi dari segi hutang negara, atau public debt yang kini telah berjumlah sa-banyak \$3,460.1 juta dan akan berjumlah mungkin pada akhir tahun ini sa-banyak \$4,060.1 juta, dalam hubungan ini banyak orang telah dan mungkin akan bertanya tidak patut-kah sa-buah negara yang sedang membangun berhutang wang dan apa-kah Parti PAS tidak menyetujui negara kita berhutang wang dari luar, atau dari dalam. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan mereka bahawa negara yang sekarang membangun saperti Malaysia ini amat perlu kepada wang dan pinjaman ada-lah satu²-nya daripada jalan keluar yang mesti di-tempoh oleh negeri ini, tetapi soal-nya ia-lah tujuan dari pinjaman, atau sumber wang untuk pembayaran balek-nya pinjaman itu. Saya pernah menyuarakan pandangan saya dalam soal ini dalam Rumah yang bertuah ini pada satu masa dahulu bahawa banyak negara yang berhutang negara² yang baharu membangun, atau sedang membangun tidak kechuali boleh dikatakan semua-nya berhutang sedikit, atau banyak, tetapi negara yang bijak-sana dalam berhutang ia-lah negara yang menggunakan pinjaman itu kepada rancangan ekonomi yang berkesan yang daripada-nya dapat dihasilkan kembali pokok, dan cheding² pinjaman itu sendiri.

Perojek² saperti mendirikan kilang² perusahaan yang berbagai rupa atas nama sharikat kerjasama ra'ayat yang di-pimpin, atau sa-bagai-nya, atau untuk bayaran mengambil aleh mana² perusahaan besar yang menyentoh sa-chara langsung kehidupan ra'ayat yang saya rasa telah tiba masa-nya sekarang sekurang²-nya menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa dari pakar² ekonomi, bagi mengkaji dengan chermat-nya langkahan yang hendak di-ambil bagi tujuan tersebut. Perojek² itu termasuk-lah juga perprojek yang memberi keuntongan kepada negara sa-chara tidak langsung, saperti perprojek tali ayer, sawah² padi saperti yang di-jalankan sekarang ini, sebab nyata perprojek ini lambat laun menyelamatkan negara kita dari kemerosotan

simpanan wang luar negeri-nya untuk membayar harga² beras yang di-bawa masuk dalam negeri ini, kerana bertambah banyak penghasilan padi, maka bertambah kurang penggunaan wang simpanan luar negeri kita untuk membayar harga beras yang di-bawa masuk; bertambah hasil pendapatan padi dalam negeri, maka bertambah kurang impot beras dari luar negeri. Negara kita terpaksa sekarang membayar hutang dan bunga-nya sa-kali tiap² tahun dari peruntukan belanjawan biasa negara dan bagi tahun 1968 negara kita akan memberikan bayaran lebeh dari \$231,000,000 bayaran pokok-nya dan pembayaran cheding²-nya sendiri. Timbul satu persoalan, Tuan Yang di-Pertua, yang ini tentu-lah akan di-gunakan kesempatan oleh Ahli² dari pehak penyokong Kerajaan bahawa sedap sangat-lah Ahli dari Pasir Puteh itu mencheritakan tentang deficit negara dan sa-bagai-nya, tetapi negeri yang di-perintah oleh parti-nya sendiri di-Kelantan pun mengadakan deficit yang sama, dan sa-hingga untuk membayar gaji pada akhir tahun yang baharu ini pun terpaksa mengambil pinjaman wang daripada Kerajaan Pusat, tentu-lah akan di-suarakan oleh Ahli² di-pehak sana, atau pun mungkin Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal negeri Kelantan sa-benar-nya tidak merupakan negeri Kelantan, khusus-nya; soal Negeri Kelantan ia-lah merupakan problem Negeri² yang hidup dalam Malaysia sekarang—Negeri Kelantan menjadi chontoh. Negeri Kelantan menjadi barang yang di-analisa oleh Ahli² politik justru oleh kerana negeri Kelantan tidak di-perintah oleh parti yang memerintah Kerajaan Pusat.

Pada hakikat penyakit Kewangan Kerajaan Negeri itu ada-lah sama, berlebeh berkurang sahaja dan ada negeri² yang di-perintah oleh Perikatan sendiri yang penyakit-nya lebeh tenat daripada Negeri Kelantan. Saya berani sebut, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rumah yang mulia ini ada Negeri yang dapat membayar gaji dari hasil negeri-nya di-tambah dengan pemberian Kerajaan Pusat mengikut

Undang² chukup untuk membayar gaji pegawai² sa-hingga sa-tengah tahun sahaja, ada Negeri saperti itu dengan demikian menyebabkan pehak Perbendaharaan, pehak Kementerian Kewangan di-Kuala Lumpur ini terpaksa memberikan bantuan kepada Negeri² yang saperti itu, bantuan yang tidak di-tentukan jenis-nya—pendahuluan, itu-lah, ini-lah dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah menjadi rahsia umum, walau pun surat khabar tidak pernah menyiarkan walau pun Menteri Yang Berhormat tidak pernah menyiarkan saperti-lah cherita Kelantan tidak chukup bayar gaji pada akhir tahun yang lalu saya sendiri menghadap Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri meminta \$1,500,000 ia-itu sa-bagai pinjaman, atau sa-bagai pendahuluan, sebab ada kira-nya di-belakang yang saya akan terangkan. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak tahu kira² itu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-siarkan oleh Kabinet, apa yang di-siarkan di-dalam akhbar negeri Kelantan sudah sakit tenat—tidak dapat bayar gaji. Cherita negeri Kedah tidak payah bayar gaji, tidak keluar sama sa-kali. Mujor-lah dengan murah hati-nya Yang Berhormat Menteri Kewangan waktu menjawab pertanyaan sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat pehak kami menyatakan \$1,000,000 bagi pinjam pada Kelantan, \$1½ juta bagi pinjam kepada Kedah untuk bayar gaji akhir tahun yang lalu dan ada lagi pinjaman² lain yang kerana perojek² tertentu yang tidak payah disebut, baharu-lah terbit cherita itu pun, baharu-lah sa-kelingking kechil dari cherita² pinjaman, bantuan, pemberian yang di-berikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan² Negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah adil kalau pehak yang memegang pimpinan Kerajaan Pusat sekarang ini dapat menghadapi kenyataan yang sa-benarnya dalam menghadapi kedudukan² kewangan Kerajaan. Banyak masaalah² yang harus di-jadikan asas² kajian sa-chara jujur dan ikhlas di-luar dari soal perhitungan politik, di-luar dari soal Kerajaan itu di-perintah oleh

negeri itu, di-perintah oleh parti mana, atau sa-bagai-nya. Kajian sa-chara jujur dan ikhlas. Apa-kah Kerajaan Negeri Kelantan, bisa hidup dengan hasil Negeri-nya, dengan pemberian Kerajaan Pusat mengikut Undang² apa-kah Trengganu boleh hidup dengan hasil daripada bijeh sudah berkurang sekarang, apa-kah Pahang boleh hidup, apa-kah Kedah boleh hidup mithal-nya sa-chara detail, neschaya kita akan bertemu penyakit² insan, soal-nya tenat, atau tidak tenat. Sa-bagai satu chontoh, ta' payah kita panjangkan cherita dalam Dewan ini.

Bertambah banyak perojek pembangunan negara di-benakan di-dalam negeri yang berkenaan, bertambah besar bebanan negeri yang berkenaan bagi menanggung projek itu. Orang akan bertanya kepada saya, "Apa-kah erti-nya perojek di-bangunkan oleh Kerajaan Pusat dalam negeri itu—negeri mesti *share* sama memberikan modal?" Saya jawab *share* ada sama, tetapi bukan modal. *Share* menyelamatkan perojek yang di-bena oleh Kerajaan Pusat dengan modal ratusan juta ringgit. Sa-bagai chontoh perojek Kuala Muda—tali ayer Kuala Muda. Porojek Lemal Pasir Mas dan Porojek Kemubu yang di-lakukan dalam tahun ini insha' Allah atas pinjaman wang dari Bank Dunia di-mana wakil dari Kerajaan Negeri pun hadir sama dalam persidangan di-Washington untuk menjadi saksi mengesahkan bahawa benar Kerajaan Negeri akan memberikan *share* yang sa-penoh-nya bagi menjamin perojek yang di-bena daripada wang tabong Bank Dunia itu di-jaga dengan sa-baik²-nya akan memberikan hasil yang sa-baik²-nya. Sa-bagai satu chontoh di-bena-lah satu projek, kata-lah Kemubu Scheme—sa-bagai satu chontoh, saya lebeh senang katakan Kemubu Scheme, kerana ranchangan itu akan di-lakukan dalam Negeri Kelantan sendiri. Kemubu Scheme, bila siap sahaja, Kerajaan Negeri mesti-lah menanggung belanja untuk menjaga, untuk maintenance, yang di-hitong tidak kurang daripada \$1,500,000 tiap² tahun. Belum masok penjagaan sekarang sa-bagaimana yang sedang berlaku Lemal Scheme dan scheme² yang

kechil² yang telah siap dan alhamdu lillah di-nekmati oleh ra'ayat sekarang, tidak kita nafikan baik-nya dan kita puji-lah Kerajaan Pusat bagi wang, berhutang wang luar negeri untuk membena projek saperti itu. Tetapi yang saya hendak terangkan bebanan yang mesti di-tanggong oleh Kerajaan Negeri sa-bagai *share* dalam usaha pembangunan. Bertambah besar pembangunan itu mesti di-buat, bertambah besar bebanan itu mesti di-tanggong oleh Kerajaan Negeri, sedangkan puncha hasil yang di-dapati oleh Kerajaan Negeri terbatas.

Kerajaan Negeri tidak berkuasa menaikkan chukai barang, sebab barang² expot dan impot bukan di-tangan dia. Kerajaan Negeri tidak berkuasa hendak pinjam wang luar negeri, sebab pinjaman wang luar mesti melalui Kerajaan Pusat. Hendak pinjam pada bank pun mesti di-jamin oleh Kerajaan Pusat di-beri rahmat oleh Kerajaan Pusat—boleh pinjam kata dia, baharu boleh pinjam. Apa puncha Kerajaan Negeri dapat wang, sedangkan bertambah baik Kerajaan Negeri memberikan khidmat dengan menjaga tali ayer itu dengan sa-baik²-nya, bertambah hanya hasil padi, bertambah selamat-nya simpanan emas dan pertukaran wang luar negeri Malaysia sendiri? Erti-nya, semua-nya yang di-berikan oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan wang yang berjuta² ringgit, menyelamatkan dua jalan bagi Kerajaan Pusat sendiri; selamat yang pertama, perojek itu terkawal dan dia tidak akan di-hina, atau di-nesta oleh negara yang memberikan pinjaman sebab terkawal; selamat yang kedua, foreign exchange-nya selamat, kerana tidak akan keluar wang itu membeli beras dari luar negeri. Sa-bagai satu chon-toh-nya, Tuan Yang di-Pertua, negeri tidak ada peluang untuk mendapat wang-nya, ka-mana tempat negeri hendak mengadu, melainkan Kerajaan Pusat? Kalau-lah hendak merayu kapada Kerajaan Pusat pun tidak betul jalan, apa-lah erti-nya negeri itu menjadi unit dalam negara yang satu, sedangkan ujud-nya negara Kerajaan Pusat itu kerana ujud-nya unit² yang ada dalam negeri ini? Kalau tidak

ada unit² itu Kerajaan Pusat tinggal Kuala Lumpur, atau pun tinggal Federal Building sahaja bagi Kerajaan Pusat, tidak ada ra'ayat, tidak ada Negeri, tidak ada tanah, tidak ada hasil yang akan dapat pada Kerajaan Pusat. Di-sini dudok-nya masaalah. Maka timbul-lah, sekarang bertambah dekat dengan pilehan raya, Tuan Yang di-Pertua, soal politik, soal pentadbiran, soal kewangan akan di-champor gaul dengan soal² politik.

Soal pinjaman pada bank, Kerajaan Kelantan kekurangan wang sejak lama. Kekurangan itu kerana di-lakukan projek² yang tertentu saperti membena sa-buah jambatan yang terbesar di-Asia Tenggara ini yang di-chadangkan pada mula-nya hendak pinjam wang Kerajaan Pusat, tetapi apa boleh buat? Kabinet tidak memberi kebenaran, atau tidak menyetujui hendak memberi pinjam sedangkan perojek itu sudah berjalan. Akhir-nya, dengan jasa baik Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan mungkin champor tangan jasa baik Yang Berhormat Menteri Kewangan, di-beri-lah kemudahan kami meminjam wang dari bank² tempatan; di-beri kemudahan meminjam wang sa-banyak \$5 juta untuk menutup kekurangan akibat dari kerja² pembangunan-lah; erti-nya sa-waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri memberi izin Kerajaan Negeri meminjam wang daripada bank, pada sa'at itu, erti-nya, mereka ini sekurang²-nya mengetahui kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan sebab² jadi demikian. Kalau tidak kerana sebab² yang ma'kul dan menasabah, yang *reasonable*, ta' akan mereka bertiga ini akan bersetuju membenarkan Kerajaan Negeri meminjam wang. Dapat-lah kebenaran, pinjam-lah wang dan, Tuan Yang di-Pertua pun tentulah mengerti pinjaman wang yang di-buat oleh Kerajaan Negeri, tidak boleh lebeh daripada 12 bulan. Ini mengikut atoran. Chukup 12 bulan sudah bayar balek. hendak pinjam balek minta kebenaran balek. Maka berjalan-lah dari sa-tahun ka-satahun. Yang kedua,

bila chukup 12 bulan, kebenaran dapat daripada Kerajaan Pusat, pinjam lagi tutup lobang itu, atau sambil ansorkan pembayaran-nya supaya pemotongan sedikit demi sedikit berjalan.

Sekarang apa jadi, Tuan Yang di-Pertua, kebenaran itu tidak di-beri lagi sa-olah²-nya berkata-lah Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri rasakan muka engkah, aku tidak bagi izin lagi kamu berhutang dengan demikian tidak boleh bayar hutang kepada bank. Apa jadi, Tuan Yang di-Pertua, bayaran pada bank tidak boleh buat. Mengikut Perlembagaan hanya 12 bulan sahaja kebenaran Kerajaan Negeri itu boleh berhutang kemudian kena bayar balek. Tidak chukup pinjam sa-mula. Chukup 12 bulan bayar balek. Sekarang sudah hampir ka-bulan yang ke-24 Kerajaan Pusat tidak bagi kebenaran. Di-mana sebab-nya itu, saya tidak tahu-lah. Apa-kah kerana anggota Kabinet ini hati batu? Saya perchaya tidak. Mereka orang² baik; seperti Perdana Menteri, orang baik. Kalau saya ber-jumpa minta pertolongan, dia akan tolong. Timbalan Perdana Menteri itu baik; Menteri Kewangan pun mungkin baik. Menteri Pengangkutan boleh jadi baik (*Ketawa*). Saya perchaya mereka orang baik, tetapi di-mana puncha-nya kebenaran itu tidak di-keluarkan? Tentu-lah ada sa-suatu yang berjalan di-sabalek itu. Ada hasutan dari luar! Ta' akan-lah hasutan boleh mempe-ngaruhi orang² bijaksana bistari seperti Menteri² Yang Berhormat yang ada pada hari ini. Orang itu tidak mampu hasutan. Kalau tidak hasutan, siapa? Ugutan? Ugutan lagi ta' takut, kita ada Polis. Bukan, ugutan politik. Ah, kalau ugutan politik ada logik-nya, ada unsor² yang boleh di-terima oleh akal fikiran kita. Ugutan politik, ugutan daripada parti Kerajaan Pusat yang ada dalam negeri Kelantan yang chuba hendak mempermainkan sentimen ke-partian supaya pinjaman tidak di-beri. Baik-lah soal itu tidak apa-lah, saya tidak kata apa. Tidak bagi pinjam, apa boleh buat? Kami jalan terus-lah. Soal sekarang ini, bank patut mengam-bil tindakan pada Kerajaan Negeri, da'awa-lah kenapa tidak bayar. Kalau Kerajaan Negeri di-da'awa dalam

mahkamah oleh bank² kerana hutang-nya tidak di-bayar, dari segi Perlembagaan-lah, orang² yang pertama sa-kali yang akan saya *subpoena* masok mahkamah, ia-lah Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan mungkin ada sa-orang dua Menteri lagi, tetapi Menteri Pengangkutan, jamin saya tidak akan bersangkut paut soal ini—tidak usah bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, ini kedudukan soal kewangan Kerajaan² Negeri. Ada pun Kerajaan² Negeri lain, sakit-nya sama-lah bahkan ada yang lebeh lagi. Saya tahu—chukup document ada pada saya di-masokkan dalam satu file khas, kunci dalam satu peti besi, kok terbang; ada document, chukup. Kenapa mereka boleh hidup—tidak boleh hidup juga tetapi kenapa mereka tidak tersibar berita-nya, kerana tidak mahu di-siar-kan berita-nya? Itu soal kepandaian Kabinet dan soal kebaikan hati wartawan² untuk menyiarkan berita² yang seperti itu. Baik benar hati-nya. Mujur-lah ada wartawan yang baik hati seperti itu, atau mungkin berita tidak sampai ka-tangan mereka, tidak apalah alhamdu lillah yang lepas, lepas-lah. Jadi, nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Kerajaan² Negeri yang kurang puncha hasil-nya, yang tidak ada banyak bijeh dalam negeri-nya, hendak hidupkan negeri dengan hasil tanah—tidak chukup, tidak chukup. Ini-lah kedudukan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh di-bandingkan kedudukan negeri dengan kedudukan Kerajaan Pusat.

Saya memberikan pandangan² dan keritik² terhadap kewangan Kerajaan Pusat bukan erti-nya saya melupakan kedudukan Kerajaan Negeri itu sendiri. Tetapi seperti Yang Berhormat Ahli daripada Johor Timor tadi juga-lah bahawa pandangan yang di-berikan dalam Dewan ini, ia-lah pandangan bebas dari orang² yang merasakan dirinya bertanggung-jawab untuk kebahagiaan bangsa dan negara itu sendiri, bukan kerana parti, bukan kerana faham politik, tetapi kerana negara itu sendiri menghendaki Ahli² Dewan

yang di-pilih oleh ra'ayat memberi pandangan yang bebas dengan fikiran yang terbuka, bukan dengan fikiran yang sempit, bukan dengan sentimen parti, bukan dengan hati yang berkarat, bukan dengan hati yang beku. Tuan Yang di-Pertua, tinggalkan-lah masaalah itu.

Saya hendak masok sedikit kepada Kementerian yang paling terkenal pada masa² yang akhir² ini, ia-lah Menteri Pelajaran. Perkara yang sedang hebat dan hangat yang di-perkatakan orang pada masa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai hasil, atau natijah daripada peperiksaan L.C.E., ia-itu peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan, peratus-nya menurun jauh, pada mula-nya orang menyalahkan negeri Kelantan, sebab mula² terbit akhbar penuntut² L.C.E. di-negeri Kelantan merosot, jatuh peratus-nya, jatuh persen-nya—jatuh. Keluarlah berita akhbar Kelantan dahshat sa-kali. Dahulu waktu orang ta' mahu masok Sekolah Menengah Rendah, Kelantan keluar berita dahulu konon-nya di-hasut oleh PAS, jangan suroh masok ka-sekolah² pondok, jangan masok sekolah menengah rendah. Heboh sa-bentar akhbar. Yang Berhormat pun keluar-lah *statement* bagitu, bagini; keluar-lah kempen jahiliah dan sa-bagai-nya. Kemudian keluar pula berita akhir, bagi Perak macham itu juga, Pahang pun lagu itu juga—pi mai, pi mai sa-rupa; dua kali lima, lima kali dua—sepuluh, Tuan Yang di-Pertua. Jawab-nya sama. L.C.E. pun bagitu juga. Keseluruhan peratus negara turun, cherita L.C.E. ini turun bagitu-lah macham² orang berkata, apa-kah sebab-nya bagini, salah ibu-bapa, ibu-bapa miskin, tidak ada duit hendak beli buku, ibu-bapa tak pedulikan pelajaran anak, ibu-bapa chuai pergi sekolah ta' berkasut, masok chaching kerawit, bila chaching masok ka-kepala otak pun beku, bila otak beku, semua pereksa tidak lulus. Ada orang yang menyalahkan kurang buku, buku teks ta' ada. Ada orang salahkan Che' gu², dan guru² aktif sangat dalam union, bergerak dalam union, bergerak bekerja mengikut atoran-lah, apa-lah, apa nama Allah, saya pun ta' faham

istilah mereka itu. Menteri Yang Berhormat, Menteri Muda Pelajaran sendiri pula dalam ucapan-nya, kalau ta' salah saya dalam negeri Perak-kah, dalam negeri Selangor-kah, baharu² ini dengan sa-chara mutlak meletakkan kesalahan itu kepada guru² yang aktif dalam union.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya sebab² yang di-sebutkan tadi itu ada persen-nya masing², ada persen-nya masing² banyak atau sedikit, tetapi yang lain orang mudah lupa bila Menteri ta' menyebut satu perkara, orang ingatkan perkara itu sudah ta' ada, ia-itu satu perkara berkenaan dengan sa-buah meshen hikmat yang bernama meshen apa yang di-sebut *Computer*. *Computer* itu sa-buah meshen khas yang di-beli dengan harga yang mahal yang di-berikan satu tugas yang amat berat kepada-nya, ia-itu tugas menjadi pemereksa kertas² peperiksaan murid² kita. Dan ini-lah kali yang pertama-nya murid² kita di-hadapkan dengan satu chara peperiksaan yang terlalu asing bagi mereka. Mengikut apa yang saya tahu entah benar entah tidak, tetapi saya rasa benar, sebab saya berani chakap, bahawa mengguris jawapan di-kertas soalan itu mesti-lah hati², jika tersalah tebal, atau tersalah gurisan-nya atau kurang terang gurisan-nya, tidak diterima oleh meshen hikmat itu dan murid² itu menjadi malang yang tiba² bila meshen hikmat itu tidak memberikan markah kepada mata pelajaran itu.

Murid² kita, Tuan Yang di-Pertua, pernah menghadapi peperiksaan dengan chara biasa menggunakan fikiran berdasarkan kaedah² yang biasa di-faham dan di-ikut-nya, tetapi dengan datang-nya chara *computer* ini anak² terpaksa menempoh chara lain. Anak² kita itu sendiri mesti menjadi *computer*, walau pun telah ada latehan sa-belum itu, tetapi ta' chukup, Tuan Yang di-Pertua, apa lagi jika di-kaji dengan teliti terasa benar bagi kita chara soalan dan jawapan mengikut meshen *computer* itu saperti tikam ekor sahaja.

Anak² kita kadang² tidak sempat lagi menchari jawapan yang tepat, melainkan mengagak-nya yang mana katanya, "Ah! begitu-lah", di-tandakan sahaja jawapan kepada jawapan² yang tersedia ada dalam kertas peperiksaan itu dengan chara agak. Macham tikam ekor-lah. Kadang² terasa bagi kita bahawa chara² saperti itu terlalu beku dan mengajar murid² menjadi beku tidak berfikir. Mengikut apa yang saya tahu pula, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mesihen hikmat ini pula tabi'at-nya manja sangat, tabi'at-nya lebeh susah dari bangsa yang menchipta-nya sendiri. Orang² dari Barat, Tuan Yang di-Pertua, boleh hidup di-sini, mereka boleh makan, boleh berjalan dalam udara panas, sa-tidak²-nya waktu berjalan makan angin, bermain golf, tetapi mesihen *computer* ini dia ini terpaksa tinggal dalam bilek berhawa dingin yang tidak boleh lebeh daripada 60F—60-darjah, tak boleh lebeh dari itu. Berma'ana sejok dari tempat kita sekarang ini sejok kita sekarang ini mengigil dan lebeh dari itu lagi. Kita sekarang ini ada-lah 70F, barangkali dia 60. Belanja menjaga tentu-lah mahal, tujuh hari tujuh malam dia kena duduk dalam bilek itu, sejok macham itu; orang pun kena jaga terus menerus dan, Tuan Yang di-Pertua, yang menjaga itu orang Timor bukan orang Barat, orang duduk dalam hawa panas, empat jam paling lama orang yang menjaga *computer* itu boleh duduk dalam bilek *computer* itu 4 jam, lepas itu kena ganti orang lain. Alang-kah manja-nya mesihen hikmat ini, Tuan yang di-Pertua, terok benar hendak menghadapi mesihen hikmat ini terlalu sulit, Tuan Yang di-Pertua. Kerja-nya pun ta' puas hati kalau budak tores ta' betul pun tak ada ampun ma'af lagi, walau pun jawapan budak itu memang betul chuma, tores ta' betul, langsung budak dapat B atau C. Bila dapat B atau C, Alhamdu lillah, selamat tinggal sekolah. Sekurang²-nya sekolah Kerajaan; chari sekolah private. Ini nama-nya korban Kementerian Pelajaran, atau pun lebeh tegas katakan korban Khir Johari.

Tuan Yang di-Pertua, yang sa-baik-nya Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita ini rajin berjalan keluar negeri;

kalau dia pergi keluar negeri, pergi-lah dia berkunjong ka-Amerika-lah, atau ka-tempat negeri yang membuat *computer* itu, patut-lah dia kena berkira dengan tempat orang membuat itu; tolong-lah tuan² buat *computer* yang bertabi'at Timor; tolong buat *computer* yang bertabi'at Malaysia ya'ani boleh dudok dalam hawa panas sadikit; jangan buat *computer* untok orang yang berdarah Barat sahaja; biar ada tabi'at Timor, kalau tidak terok kita hendak pakai.

Kita boleh bermegah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara Malaysia inilah negara yang pertama sa-kali di-Asia Tenggara ini menggunakan *computer* dalam memereksa kertas² peperiksaan. Megah buat apa, Tuan Yang di-Pertua, megah ada *computer* hasil-nya Alhamdu lillah menerjun kebawah bukan merosot, menerjun ka-bawah?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cherita *computer* dan akibat² timbul oleh-nya, timbul-lah soal kelulusan L.C.E. atau S.R.P. Ibu-bapa murid² telah di-hadapkan kapada satu keadaan yang amat merunsingkan di-mana murid² yang mendapat "A" sahaja boleh meneruskan ka-kelas Tingkatan Empat, atau Form Four, sedangkan yang kelulusan B dan C menjadi korban begitu sahaja. Sambil memperoses itu, Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa tadi ta' hendak anak² itu ta' belajar, di-hantar anak² itu ka-sekolah suwa bagi menampong pelajaran² anak²; mereka sa-telah siap masuk sekolah suwa itu sudah terima bayaran wang sekolah, sa-kurang²-nya habis-lah dalam \$60 atau \$70, belum masuk buku lagi—\$60 atau \$70; kalau buku itu sama boleh pakai yang lama, kalau ada pertukaran baharu pakai buku baharu masuk sekolah—\$60 atau \$70. Sudah bayar jelas, duduk anak itu belajar. Hah! keluar-lah keputusan baharu yang di-buat yang di-istiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita; kata dia, Kerajaan sudah kaji, Menteri sudah kaji, bahawa meshuarat jawatan-kuasa di-dapati banyak orang terkorban, kasehan-lah kapada mereka itu maka sekarang kami istiharkan-lah bahawa murid²

yang dapat B dapat teruskan ka-Tingkatan Empat, sa-bahagian yang mengikut markah² yang di-tentukan yang kurang sedikit markah dapat B juga boleh pergi ka-sekolah Vocational School. Ada pula, yang C kalau umornya baharu masok 15 tahun boleh-lah dudok lagi dalam bahagian Form Three, Tingkatan 3, yang sudah lebeh daripada 15 tahun Alhamdu lillah, selamat jalan pergi chari tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu cerita yang ganjil dari Kementerian Pelajaran yang merupakan satu Kementerian yang paling tidak tetap neracha; meter dasar-nya itu bergerak terus, ta' dapat hendak di-bacha, 45 degree-kah, 60 degree-kah, 80 degree-kah saperti-lah kedudukan Yang Berhormat Menteri itu sendiri—tidak tetap, ka-hulu ka-hilir, ka-hulu ka-hilir. Tuan Yang di-Pertua, maka melaung²-lah Menteri Pelajaran dan Setia-usaha Politik-nya—champor-lah Setia-usaha Politik sedikit, tentu-lah ada *share* dia—bahawa Kementerian Pelajaran dengan perasaan penoh kasehan belas, penoh peri kemanusiaan memberikan pertimbangan yang saksama dalam perkara ini dan dengan demikian beribu² pelajar tertolong dengan perubahan dasar Kementerian yang tersebut. Bukan main sedap, bertepok tangan orang² itu. Bagus-lah Menteri kita ini dia tolong murid², beribu² dapat B dan C, Menteri Yang Berhormat itu tolong, selamatkan daripada terkurban. Yang mengurbankan siapa² dan yang hendak menyelamatkan siapa? Tidak-kah ini merupakan satu permainan politik yang lichin sa-kali oleh Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua?

Mereka terbuang oleh kerana dasar Kementerian; mereka tersingkir oleh kerana dasar Kementerian; dan mereka di-pungut balek pun oleh kerana dasar Kementerian. Pelajar² kita telah menjadi bahan² *experiment* dari dasar Kementerian yang tidak tetap, atau dasar Kementerian tidak masak. Hendak ka-mana anak² kita di-bawa oleh Kementerian kita ini, Tuan Yang di-Pertua? Tiap² tahun terbit peratoran baharu. Tiap² tahun keluar chara

baharu, kaedah baharu. Lebeh baik kita namakan Kementerian Pelajaran ini “Kementerian Experiment Tentang Pelajaran”—boleh baharu-lah tepat. Anak² kita di-jadikan bahan² *experiment*, bahan² perchubaaan mungkin berjaya atau tidak; ya tidak berjaya kita ubah lagi, yang ini kita pakai, yang ini kita ubah lagi. Ubah lagi, dasar baharu lagi saperti jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pagi tadi-lah, Tuan Yang di-Pertua. Bila soal chara baharu? Ya, boleh, sudah. Bila? Baharu hendak buat. Itu chara jawapan, Tuan Yang di-Pertua, chara yang terlalu kabor-lah. Kita tahu-lah, Tuan Yang di-Pertua, dahulu beliau pun pernah menjadi Menteri Pelajaran; sa-sudah itu beliau berhenti daripada Menteri Pelajaran, tukar Enche' Abdul Rahman Talib menjadi Menteri Pelajaran; ada nampak-nya perubahan sedikit chara dia. Chara Rahman Talib pula rasa-nya—Ah! Tukar balek kepada beliau menjadi Menteri Pelajaran. Pendek-nya Alhamdu lillah-lah Menteri Pelajaran kita ini banyak benar pengalaman hasil daripada perchubaaan² yang telah lalu.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pelajaran ini, ia-lah masaalah pertukaran guru². Ini pun nampak-nya mendapat tempat yang baik dalam pandangan umum—public opinion. Bukan tujuan saya di-sini untok sama² membantah kepada Kementerian atas pertukaran guru² itu, hendak champor tangan pertukaran Che'gu yang disebutkan baharu ini, tetapi apa yang saya ingin menyatakan ia-lah apa-kah pertukaran pemimpin² guru itu sa-chara kebetulan sahaja, atau memang di-sengajakan. Kalau-lah sa-chara kebetulan sahaja, ya'ani apa boleh buat sudah kebetulan, maka Che'gu Ahmad Abdul Rahman tukar dari Muar ka-sekolah yang terpenchil di-Sungai Lembing, Pahang, dan demikian-lah juga Che'gu Ahmad Shah dari Kelantan ka-Banting negeri Selangor. Jika itu-lah satu kebetulan, maka ia ada-lah kebetulan yang paling aneh sa-kali.

Che'gu Ahmad Abdul Rahman ia-lah pemimpin kesatuan guru² yang

tentu-nya memerlukan perhubungan yang chepat yang rapat, atau baik, dengan anggota² dan ahli²-nya yang demikian memerlukan tempat strategik dalam kedudokan-nya. Dia mengajar, dia mendidik, jangan dia chuai dengan kewajipan-nya sa-bagai guru tetapi perlu tempat itu tempat yang strategik maka dia dapat tempat yang strategik. Sungai Lembing, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah tempat yang kurang baik. Siapa sahaja pun mesti berkhidmat walau pun sampai kapada kemunchak Gunong Tahan, kalau disana ada sekolah, sebab khidmat saperti itu lebeh mulia daripada khidmat daripada pekan² bagi guru², tetapi bagi sa-orang pemimpin guru yang memerlukan tempat yang strategik bagi menjaga kesatuan-nya, menjaga menafa'at ahli² kesatuan-nya yang juga ada berhubungan-lah dengan kedudokan soal pelajaran anak², maka Sungai Lembing tidak-lah strategik tempat-nya.

Demikian pula-lah dengan Che'gu Ahmad Shah dari negeri Kelantan di-tukarkan ka-Banting negeri Selangor. Dari segi tempat, bagus-lah di-Banting itu dekat Kuala Lumpur, Che'gu Ahmad Shah sa-minggu sa-kali boleh makan angin ka-Kuala Lumpur; kalau dahulu sa-bulan sa-kali pun payah—bagus. Tetapi ada soalan jika itu-lah juga merupakan satu kebetulan maka ia-lah kebetulan yang aneh kata saya tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, semua tempat ada-lah baik bagi guru² itu, sebab memang guru² itu sudah takdirkan untuk mengajar dan mendidik semua murid² dengan tidak kira di-mana mereka berada. Sungai Lembing, kata saya tadi, tempat yang terpenchil dan perhubungan-nya sulit menyebabkan dia sa-bagai sa-orang pemimpin kesatuan guru tidak lojik dan tidak prektikal bagi dia dudok di-tempat yang saperti itu; dari segi khimat-nya baik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saperti Che'gu Ahmad Abdul Rahman ini, tempat yang di-Sungai Lembing itu dari segi nilai perjuangan kesatuan-nya ada-lah merupakan tempat buangan, bukan buangan bagi tuboh Che'gu Ahmad

Abdul Rahman, tetapi buangan dari segi chita² perjuangan kesatuan guru² itu sendiri. Demikian pula dengan Che'gu Ahmad Shah dari Kelantan yang menjadi pemimpin Sharikat Kerjasama² Guru² Melayu Kelantan. Dia di-pindahkan daripada negeri Kelantan dudok di-Banting, Selangor. Bagaimana nasib-nya Sharikat Kerjasama² Kesatuan Guru² Melayu Kelantan, sa-buah sharikat kerjasama guru² yang terbesar sa-kali dalam Malaysia.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan bagi penjelasan—terima kaseh. Berhubung dengan ucapan Yang Berhormat tadi, saya ingin tahu, atau ingin mintakan penjelasan bahawa Che'gu Ahmad Abdul Rahman ini telah menyedari atas bantahan pertukaran-nya yang dia ini telah terperangkap oleh jebak yang di-buat oleh parti PAS, kerana ahli² kesatuan guru² itu sa-bilangan ramai daripada-nya ahli² PAS atau orang yang *pro* kapada PAS.

Dato' Haji Mohd. Asri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar itu; kalau betul macham itu nampak-nya bertambah maju-lah PAS ini di-kalangan guru²; tidak sedar lagi saya itu. Kalau betul macham itu, Alhamdu lillah-lah itu, bagus-lah kedudokan PAS. Ter-jebak tidak saya tidak tahu-lah; sa-lama ini ta' tahu saya kesatuan guru itu di-pengarohi oleh PAS. Saya pun Che'gu Ahmad Abdul Rahman ta' kenal, Alhamdu lillah-lah ta' kenal lagi. Biar-lah, Tuan Yang di-Pertua, . .

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Asri: Ada lagi?

Tuan Ahmad bin Arshad: Ada lagi sadikit. Jadi untuk lanjutan, bahawa ini-lah kehendak PAS melagakan antara Che'gu Ahmad Abdul Rahman dengan Kementerian Pelajaran?

Dato' Haji Mohd. Asri: Bila dapat *point* itu, saya pun tidak tahu-lah; barangkali Yang Berhormat daripada Muar Utara ini baharu terdapat *point* sa-bentar tadi. Sa-lama ini dalam surat

kebabaran heboh² tidak ada sangkut² menyangkut dengan PAS; yang diheboh²kan ia-lah tentang pertukaran itu. Che'gu Ahmad Abdul Rahman ini ia-lah orang kuat UMNO, Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi pun sebut orang kuat UMNO. Boleh jadi terjebak dia dengan perangkap PAS—

masaalah! Alang-kah bodoh-nya pemimpin² UMNO ini, boleh terjebak.

Timbalan Yang di-Pertua: Mesuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.

JAWAPAN² BERTULIS KA- PADA PERTANYAAN²

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

KEMENTERIAN BUROH

**Mr N. T. S. Arumugam/Jabatan Buroh
Pulau Pinang**

1. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether there are any pending cases against Mr N. T. S. Arumugam Pillai (President of M.I.C. Penang Branch) with the Labour Department, Penang, for failing to contribute towards the E.P.F., and if the answer is in the affirmative, the number of cases and why action has not been taken to prosecute him.

The Minister of Labour (Tuan V. Manickavasagam): No.

Kumpulan Wang Buroh India Selatan

2. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour what procedure the Ministry adopts in extending scholarships to students under the South Indian Labour Fund.

Tuan V. Manickavasagam: Scholarships under the South Indian Labour Fund Board are awarded to children of South Indian labourers, as defined in the South Indian Labour Fund Ordinance, 1958. The applications for scholarships for children in secondary schools are received through the various schools in West Malaysia. The selections are made by the Board on the basis of financial and academic merit.

Since 1967 students in the University of Malaya, the Agriculture College, Serdang, and the Technical College, Kuala Lumpur, are not awarded outright scholarships but merely provided with loans repayable within five years of their graduation. Information concerning such loans is disseminated through these various institutions, the applications for such loans being made

directly by the students to the Board. Selections are made by the Board on the basis of financial and academic merit.

3. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give separately details of (a) persons accommodated in the two homes at Circular Road, Kuala Lumpur, and at Nebong Tebal; (b) average cost of maintaining the inmates and (c) revenue and expenditure for 1967, which are run by the South Indian Labour Fund Board.

Tuan V. Manickavasagam:

(a) Number of persons accommodated in the Homes—

Kuala Lumpur Home	178 persons
Nibong Tebal Home	142 persons

(b) Average cost of maintaining the inmates—

Kuala Lumpur Home	\$8,344 p.m.
Nibong Tebal Home	7,789 p.m.

(c) Total revenue of the Fund for 1967	...	\$252,859
Total expenditure for 1967	...	409,557

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give details of persons receiving monthly pensions out of the South Indian Labour Fund, the address and amount paid in each case during 1967.

Tuan V. Manickavasagam: Monthly financial assistance is provided from the South Indian Labour Fund to qualified persons, after the Board is satisfied that such persons are old, unemployed and destitute. Altogether, about 700 persons received such assistance in 1967. Almost all of them were resident on estates in West Malaysia. Adults were paid \$10 p.m., while minor dependants were paid \$5 p.m. The total sum paid out in 1967 was \$86,000.

5. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give a list of candidates who were granted scholarships out of this fund and the amount in each case.

**LIST OF CANDIDATES WHO HAVE BEEN AWARDED SOUTH INDIAN LABOUR
FUND BOARD SCHOLARSHIPS FOR STUDIES IN THE UNIVERSITY OF MALAYA,
TECHNICAL COLLEGE AND COLLEGE OF AGRICULTURE**

Year Awarded	Name	Faculty
UNIVERSITY OF MALAYA		
1962 ..	Kumaravel s/o Palanisamy	Science
1962 ..	Nadarajan s/o Govindasamy	Arts
1962 ..	Marimuthu s/o Thangavelu	Arts
1962 ..	Supramaniam s/o Letchumanan	Arts
1963 ..	Kandasamy s/o Sellapan	Arts
1963 ..	Savaridas s/o Perianayagam	Arts
1964 ..	Thangaraju s/o Vaithialingam	Engineering
1964 ..	Markandan s/o Seenivasaloo Naidu	Arts
1965 ..	Yagambaram s/o Nagooran <i>alias</i> Nagur	Arts
1965 ..	Govindasamy s/o Babu	Engineering
1966 ..	Francis Jesu	Science
1966 ..	Govindan s/o Nagalingam	Arts
TECHNICAL COLLEGE		
1965 ..	Mahendra Das s/o N. K. Ananthan	Civil Engineering
1966 ..	Venugopal s/o M. Sinnasamy	Mechanical Engineering
COLLEGE OF AGRICULTURE		
1965 ..	K. Veerapan s/o K. Kolandaippanan	Agriculture
1966 ..	Ramakrishnan s/o Kannan Nair	Agriculture

THE RATES OF PAYMENTS ARE:

University of Malaya	\$2,000 per year
Technical College	1,800 per year
College of Agriculture	2,160 per year

**LIST OF CANDIDATES WHO HAVE BEEN OFFERED SOUTH INDIAN LABOUR FUND
SCHOLARSHIPS FOR THE YEAR 1966**

No.	Name	Age	Address	Form	School
1.	Poopalan s/o Thannimalai ..	20	734 Main Road, Sungei Bakap, Province Wellesley	Upper Six (Science)	Methodist Boys' School, Penang
2.	Appala Naidu s/o Bendaiah ..	19	11 Jalan Brus, off Maxwell Road, Ipoh	Lower Six (Arts) ..	Anglo-Chinese School, Ipoh, Perak
3.	Sivalingam s/o Nalliah ..	18	1154 Limbongan, Malacca	Lower Six (Science)	High School, Malacca
4.	Mariamamma d/o George ..	19	c/o Mr M. S. Thomas, Temiang Bukit Nanas Division, P.O. 20, Seremban	Lower Six (Arts) ..	King George V School, Seremban
5.	Krishnan s/o Manickam ..	17	Sreedheran Block K. 2, Kampong Ayer Melikir, Port Dickson	Form IV ..	Sekolah Menengah Inggeris, Port Dickson
6.	Patmanathan s/o Thiagarajan	16	2 Jalan Camp, Sungei Patani, Kedah	Form IV ..	Sekolah Menengah Ibrahim, Sungei Patani, Kedah
7.	Balan s/o Kunjambu ..	16	480 Kepala Batas, Tumpat, Kelantan	Form IV ..	Tumpat Secondary School, Tumpat, Kelantan
8.	Krishnan s/o Narasamuloo ..	16	Division 4, Sungei Tawar Estate, Kuala Ketil, Kedah	Form IV ..	Sekolah Sultan Badlishah (Menengah), Kulim, Kedah
9.	Munusamy s/o Nadason ..	16	Merak Estate, Kulim, Kedah	Form IV ..	Sekolah Sultan Badlishah (Menengah), Kulim, Kedah
10.	Ramu s/o Murugisu ..	16	Lendu Estate (Home Division), Alor Gajah, Malacca	Form IV ..	Alor Gajah Secondary English School, Alor Gajah, Malacca

No.	Name	Age	Address	Form	School
11.	Jeyaran s/o Rangasamy	.. 16	909 P.W.D. Quarters, Kulai, Johore	Form IV ..	.. Sekolah Inggeris, Kulai (Menengah), Kulai, Johore
12.	Rosa Francis	.. 17	6a Jalan Kolam Ayer, Johore Bahru	Form IV ..	.. Sekolah Convent Menengah, Johore Bahru
13.	Ramanathan s/o Kasinathan	.. 17	209 Kampong Station, Kuala Kangsar	Form IV ..	.. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Clifford (Inggeris), Kuala Kangsar
14.	Nadarajah s/o Sinnasamy	.. 17	2151 8th Milestone, Paya Rumpit, Malacca	Form IV ..	.. Gajah Berang Secondary English School, Malacca
15.	Nadarajan s/o Letcheman	.. 17	Radella Estate, Bemban P.O., Malacca	Form IV ..	.. Gajah Berang Secondary English School, Malacca
16.	Perumals/o Tharumalingam	.. 17	Bertam Estate, Durian Tunggal, Malacca	Form IV ..	.. Gajah Berang Secondary English School, Malacca
17.	K. Kunche Krishnan	.. 17	Kulai Besar Estate, Johore	Form IV ..	.. Sekolah Inggeris Kulai (Menengah), Kulai, Johore
18.	Muniandy s/o Subramaniam	.. 17	Bukit Aping, Lubok Buntar, Bandar Baharu, Kedah	Form IV ..	.. Methodist Secondary School, Parit Buntar
19.	Thangamani d/o Arunasalam	.. 15	— ..	Form III ..	.. Sekolah Menengah Kebangsaan, Kampong Baharu, Bukit Mertajam
20.	Appalasamy s/o Subramaniam	15	Batak Rabi Estate, Teluk Anson	Form III ..	.. Sultan Abdul Aziz Secondary School, Teluk Anson
21.	Vasudevan s/o Puthal	.. 15	Mersing, Estate, Mersing, Johore	Form III ..	.. Sekolah Menengah Sri Mersing, Mersing, Johore
22.	Kaliapin s/o Ramaya	.. 17	36c Jalan Kanchut, Alor Star, Kedah	Form III ..	.. Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Star, Kedah
23.	Rengasamy s/o Perumal	.. 16	Lothian Estate (East Division), Salak, Nilai, Selangor	Form III ..	.. National Type Secondary School (English), Sungei Pelek, Sepang, Selangor
24.	Joseph s/o Soosai	.. 14	786 Mkg. Relau Road, Balik Pulau, Penang	Form II ..	.. Sekolah Menengah St. George, Balik Pulau, Penang
25.	Manickam s/o Avadiar	.. 15	62 Banting Estate, Banting, Selangor	Form II ..	.. Sekolah Inggeris Methodist (Menengah), Telok Datok, Banting, Selangor
26.	Muniandy s/o Narasiman	.. 15	Division 60, Chersomese Estate, Kuala Kurau, Perak	Form II ..	.. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Bagan Serai, Perak
27.	Nallayan s/o Kandasamy	.. 14	Jerantut Estate, Jerantut, Pahang	Form II ..	.. Sekolah Menengah Rendah, Jerantut, Pahang
28.	Philomena d/o Santhanam	.. 15	389A Residential Area, Kuala Pilah	Form II ..	.. Tunku Kurshiah Secondary School, Kuala Pilah
29.	Darmalinggam s/o Kandasamy	15	B/C Division, Sepang Estate, Sepang	Form II ..	.. National Type Secondary School (English), Sungei Pelek, Sepang, Selangor
30.	Balan s/o Nallamuthu	.. 13	Paloh Estate, Paloh, Johore	Form II ..	.. Lower Secondary English School (National Type), Yong Peng, Johore
31.	Gopalsamy s/o Rajoo Naidu	.. 14	Kuala Ketil Estate, Kedah	Form II ..	.. Sekolah Menengah Kuala Ketil, Kedah
32.	Angiah s/o Marimuthu	.. 14	Sungei Tukang Estate, Sungei Patani	Form II ..	.. Sekolah Menengah Kuala Ketil, Kedah
33.	Periamalai s/o Kannan	.. 14	Mengkibol Estate, Kluang	Form I ..	.. Sekolah Menengah Rendah Inggeris (Jenis Kebangsaan), Kluang
34.	Sarojine d/o Naidu	.. 12	8D Block "A" 4th Floor, Jalan Lumba Kuda Lama, Johore Bahru	Form I ..	.. Sultan Ibrahim Girls' School, Johore Bahru
35.	Muthu s/o Lingappan	.. 12	Pamol (M) Ltd, Sembrong Division, Kluang	Form I ..	.. Sekolah Menengah Rendah Inggeris (Jenis Kebangsaan), Kluang
36.	Gopal Krishnan s/o Arumugam	13	80th Mile, P.W.D. Quarters, Batu Kurau Road, Taiping	Form I ..	.. Sekolah Menengah Rendah, Batu Kurau, Taiping
37.	Christopher s/o Anthony	.. 14	54 Indian Settlement, Batu Gajah, Perak	Form I ..	.. Sultan Yussuff Secondary School, Batu Gajah, Perak
38.	Muniandy s/o Vuturan	.. 14	15D New Village, Langkap, Perak	Form I ..	.. Sekolah Menengah Rendah, Langkap, Perak

NOTE.—

For Form Six Upper and Lower—\$300 per term.

For Form Five and Four—\$120 per term.

For Forms Three, Two and One—\$80 per term.

**LIST OF STUDENTS IN PRIMARY AND SECONDARY SCHOOLS RECEIVING SOUTH
INDIAN LABOUR FUND SCHOLARSHIP AWARDS—FROM 1962 TO 1964**

Name of Student	Name of School	Std.
1. Raja Segaran s/o Raman ..	Sekolah Tunku Abdul Halim, Kampong Bahru, Alor Star ..	III
2. Rathakrishnan s/o Ramamoorthi ..	Bedong English School, Bedong, Kedah ..	III
3. Nyanakeeda d/o Ramachandran ..	St. Anne's Convent, Kulim, Kedah ..	III
4. Nadarajah s/o Kandasamy ..	Batu Road School II, Kuala Lumpur ..	IV
5. M. Muniandy ..	National Type Primary English School, Selama, Perak ..	IV
6. Sulojana ..	The Convent, Tg. Bungah, Penang ..	IV
7. K. Kaliappan ..	Merlimau English School, Merlimau, Malacca ..	IV
8. Raja Kumaran ..	Serdang English School, Serdang, Kedah ..	V
9. Ramasamy Selayah ..	Tengku Mahmood Iskander School, Pontian, Johore ..	V
10. A. Kaliappan ..	Merlimau English School, Merlimau, Malacca ..	V
11. Sathiseelan ..	National Type Primary School, Bagan Serai, Perak ..	V
12. A. Manimegalai ..	Northam Road Girls' School, Penang ..	V
13. Naganambal ..	Northam Road Girls' School, Penang ..	V
14. M. Laurette d/o Michael ..	Pulau Tikus Convent, Penang ..	VI
15. Annamalai alias Sellappan s/o Ramasamy ..	Bandar Hilir English School, Malacca ..	VI
16. Sinnappen s/o Sinnathamby ..	Assumption School, Butterworth ..	VI
17. Puspapathan s/o Palanyandy ..	National Type Primary English School, Meru Road, Klang ..	VI
18. C. S. Kalliam ..	The Convent of the Holy Infant Jesus, Malacca ..	VI
19. Ramanathan s/o Muniandy ..	National Type English School, Jerantut, Pahang ..	VI
20. Isawasan M. ..	National Type Primary English School, Selama, Perak ..	VI
21. P. Fathimah Mary ..	The Convent Primary School, Balik Pulau, Penang ..	VI
Form		
22. Narayanan s/o Kunjooraman ..	Serdang English School, Serdang, Kedah ..	I
23. Sosamma d/o Verghese ..	Senior Methodist Girls' School, Klang ..	I
24. Pakianathan s/o Savarimuthu ..	Sri Mersing Secondary School, Mersing, Johore ..	I
25. Haridas s/o Sanyasi ..	Penang Free School, Penang ..	I
26. N. Sarewathy ..	Convent of the Holy Infant Jesus, Malacca ..	II
27. Vadivelu s/o Rangiah ..	Kepala Batas Secondary School, Province Wellesley ..	II
28. Mariapan s/o Munnuswami ..	Sekolah Menengah Sri Mersing, Mersing, Johore ..	II
29. Kali Kavandan s/o Sinnan ..	High School, Malacca ..	II
30. Munusamy s/o Patchai ..	Dharma National Type Secondary School (English), Petaling, Selangor ..	II
31. Kobal s/o Muniandy ..	Sultan Abdul Aziz School, Kuala Selangor ..	II
32. Thangavelu N. ..	Government English School, Segamat ..	II
33. Muniandy ..	Tuanku Muhammad School, Kuala Pilah ..	II
34. S. C. Maindin ..	Tuanku Muhammad School, Kuala Pilah ..	II
35. Ramalingam s/o Munusamy ..	Horley Methodist Secondary School, Teluk Anson ..	II
36. M. Elanchian ..	Ampang Road Girls' Secondary School, Kuala Lumpur ..	II
37. Pathmapathy d/o Karappen ..	The Convent Secondary School, Birch Road, Seremban ..	II
38. Tankaraj s/o Gopal ..	Kajang High School, Kajang, Selangor ..	II
39. Chandram s/o Sivathamam Nair ..	Sultan Yusof Secondary School, Batu Gajah ..	II
40. Sethu Raman s/o Subramaniam ..	Ibrahim Secondary School, Sungei Patani ..	II
41. A. Pichiah ..	Tunku Besar Secondary School, Tampin ..	II
42. K. Elankopan ..	High School, Klang ..	II
43. S. Kanarathnam ..	High School, Klang ..	II
44. R. Mannar Naidu ..	Secondary English School, Pontian, Johore ..	II
45. Ramasandiran s/o Palanappan Pillay ..	St. David's High School (Secondary Continuation School), Bukit Bahru, Malacca ..	II
46. P. Palaniappan ..	Sekolah Abu Bakar (Menengah), Temerloh, Pahang ..	II
47. S. Subramaniam ..	St. Xavier's Institution, Penang ..	II
48. T. Govindasamy ..	Methodist Secondary School, Nibong Tebal ..	II
49. N. Subramaniam s/o Nookaiah ..	St. Anthony's Secondary School, Teluk Anson ..	III
50. Thomas Saminathan ..	St. Thomas National Type Secondary School, Kuantan ..	III
51. Rajendram ..	Government English School, Bagan Serai ..	III
52. P. Chellamuthu ..	Government English School, Bagan Serai ..	III
53. A. Suciia ..	Sekolah Menengah Ingeris, Linggi, P.O., Rentau ..	III
54. M. Arputhasamy ..	Segamat Secondary English School, Segamat, Johore ..	III
55. Arumugam s/o Vellasamy ..	Jasin Secondary English School, Jasin, Malacca ..	III
56. Rengasamy s/o Krishnan ..	Jasin Secondary English School, Jasin, Malacca ..	III
57. V. Sarathambal ..	Sultan Abu Bakar School, Kuantan, Pahang ..	III

Name of Student	Name of School	Form
58. Jegathambal Gopal	The Convent School, Taiping, Perak	III
59. Rajamanickan s/o Karian	Abu Bakar School, Temerloh, Pahang	III
60. Sathirahasan s/o Thavasi	Abu Bakar School, Temerloh, Pahang	III
61. Sengodan s/o Mthusamy	Abu Bakar School, Temerloh, Pahang	III
62. Perumal s/o Pomman	Abu Bakar School, Temerloh, Pahang	III
63. A. Joseph	Sultan Abdul Aziz School, Kuala Selangor	III
64. Irudiasamy	Sultan Abdul Aziz School, Kuala Selangor	III
65. Soosannamma Philip	The Convent, Taiping, Perak	IV
66. Ellappan s/o Kuppan	Sultan Abdul Aziz School, Kuala Selangor	IV
67. V. Chandramohan	Segamat Secondary English School, Segamat, Johore	IV
68. S. Catherine	Convent of the Holy Infant Jesus, Malacca	V
69. Loganathan s/o Thanakody	High School, Bukit Mertajam	V
70. Marimuthu s/o Chelliah	High School, Bukit Mertajam	V
71. Rajanaidu s/o Nookian	Methodist Boys' Secondary School, Kuala Lumpur	V
72. P. Saravanananthan	Government English School, Port Dickson	V
73. Ragupathy s/o Renganathan	Anglo-Chinese School (Secondary), Seremban	V
74. Munusamy P.	Government English School, Segamat	V
75. K. Raman	Cochrane Road School, Kuala Lumpur	V
76. R. Kuppusamy	Bukit Bintang Boys' Secondary School, Petaling Jaya, Selangor	V
77. Krishnan s/o Kambai	Sultan Abdul Aziz School, Kuala Selangor	V
78. K. Rajapathy	Methodist Secondary School, Nibong Tebal	V
79. Govindasamy s/o Ramu	Methodist Secondary School, Nibong Tebal	V

LIST OF CANDIDATES WHO HAVE BEEN OFFERED SOUTH INDIAN LABOUR FUND
SCHOLARSHIPS FOR THE YEAR 1967

Name	Name of School	Form
1. Muthuvelu s/o Chinna	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Jalan Hill, Kajang	Form I
2. Ganesan s/o Kochan	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Bruas, Perak	Form I
3. Maniam s/o Muthu	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Kapar, Selangor	Form I
4. Ganesan s/o Chelliah	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Jalan Meru, Kelang	Form II
5. Sukumaran s/o Kunjappa	Segamat Secondary English School, Segamat	Form II
6. Suppiah s/o Chinniah	Tengku Ahmad Secondary School, Cameron Highlands	Form III
7. Ramasamy s/o Nalamuthu	Sekolah Menengah Kebangsaan, Kemaman	Form III
8. Jeyalachamy d/o Govindasamy	Sekolah Menengah Methodist, Nibong Tebal	Form III
9. Munisamy s/o Ragavan	Sultan Abdul Aziz School (Secondary), Teluk Anson	Form III
10. P. Indera Devi	Sekolah Sulaiman (Menengah), Bentong	Form III
11. Kanagaratnan s/o Anamalai S.	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam, Kampong Baharu, Bukit Mertajam	Form III
12. Leelavathi d/o Ramachandran	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (2) (Perempuan), Jalan Ampang, Kuala Lumpur	Form III
13. Periyasami s/o Alagari	Sekolah Menengah Rendah, Nilai, Negri Sembilan	Form III
14. Muniaya s/o Ramalingam	Kepala Batas Secondary School, Province Wellesley	Form III
15. Pitchamuthu s/o Tulasi	Gajah Berang Secondary English School, Malacca	Form III
16. Balasubramaniam s/o Kaliappan	Tunku Besar Secondary School, Tampin, Negri Sembilan	Form III
17. Supramani s/o Vellaisamy	Methodist Secondary School, Sungei Siput, Perak	Form III
18. Isvary d/o Singaraveloo	The Convent Secondary, Pulau Tikus, Penang	Form IV
19. Thambyrajah s/o Ramasamy	Sekolah Menengah Laki ² Jenis Kebangsaan, (Inggeris), Jalan Ampang, Kuala Lumpur	Form IV
20. Subramaniam s/o Chinnaswamy	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Kajang, Selangor	Form IV
21. Radhakrishnan s/o Ratnam	Sekolah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah	Form IV
22. Andy s/o Munusamy	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, St. Patrick, Kulim, Kedah	Form IV
23. Subramaniam s/o Krishnan	Sekolah Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor	Form IV
24. Kuppusamy s/o Ponnusamy	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Bruas, Perak	Form IV
25. Sethembram s/o Murugan	Sekolah Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor	Form IV
26. Rajanann s/o Ravanaiah	Sekolah Menengah Laki ² Methodist, Sentul, Kuala Lumpur	Form IV
27. Nadarajan s/o Rajoo	Sekolah Menengah Methodist, Parit Buntar, Perak	Form IV
28. Muniandy s/o Raman	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Bagan Serai, Perak	Form IV
29. Sukumaran s/o Velayutham	Sekolah Menengah Methodist, Parit Buntar, Perak	Form IV
30. Supramaniam s/o Simmandram	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), King Edward VII, Taiping	Form IV
31. Jayabalan s/o Chinnappan	St. Anthony's National Type School (Secondary), Teluk Anson	Form IV

Name	Name of School	Form
32. Kalimuthu s/o Perumal	Sekolah Menengah Methodist, Klang, Selangor	Form V
33. Ambigadevi d/o Kavendappan	Raja Perempuan Secondary School, Ipoh	Form V
34. Palani s/o Veeran	Sekolah Menengah Methodist, Klang, Selangor	Form V
35. Kasthury d/o Ramadass	Sekolah Menengah Rendah, Linggi, Rantau, Negri Sembilan	Form V
36. Chandra d/o Subramaniam	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Methodist, Tanjong Malim	Form V
37. Aranajaram s/o Velu	High School, Setapak, Kuala Lumpur	Form V
38. Ramamoorthy s/o Venugopal	Mahmud Secondary School, Raub, Pahang	Form V
39. Pospamani d/o Muthu	Sekolah Menengah Perempuan Treacher Methodist, Taiping	Form V
40. Chellappan s/o Palaniappan	Sekolah Menengah Methodist, Klang, Selangor	Form V
41. Perianaigam s/o Anthonysamy	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Kajang, Selangor	Form V
42. Palanivelu s/o Athiappan	Sekolah Menengah Rendah, Linggi, Rantau	Form V
43. Jacob Francis	Sekolah Menengah St. Joseph, Johore Bahru	Form V
44. Ramasamy s/o Ponnusamy	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Bahau, Negri Sembilan	Form V
45. Govindan s/o Kandasamy	Methodist Boys' School, Penang	Lower Six
46. Gopalan s/o Sellan	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, King George V, Seremban	Lower Six
47. Sathiaselvan s/o Thavasy	Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang	Lower Six
48. Santhirahasan s/o Thavasy M.	Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang	Lower Six
49. Vijayan Nair	St. John's Institution (Secondary), Kuala Lumpur	Lower Six

Pertikaian Lombong Dolomite

6. **Dr Tan Chee Khoo** asks the Minister of Labour to state if he is aware that because of his resort to frustrating prevaricating tactics in promoting a solution, the parties to the Dolomite mines dispute had reached a settlement outside Court and the Industrial Court without the knowledge of his Ministry and whether he would now admit that this was a motion of censure on him.

Tuan V. Manickavasagam: There has been no prevarication regarding this matter in the Ministry of Labour. Neither does the fact that the parties were able to reach a settlement by themselves indicate a motion of censure on any person. The parties could indeed have reached agreement much earlier if they had heeded my advice to them at the very outset.

Jawatan-kuasa Penyiasat

7. **Dr Tan Chee Khoo** asks the Minister of Labour with reference to the reply of 13-11-1967 to question No. 158 if it was not more expedient for him to proceed with consideration of the appointment of a Committee of Inquiry to enquire into the system of contract employment of workers instead of shifting back the issue to the National Mining Workers' Union of Malaya and whether he is aware that his Ministry has full knowledge of the background to this subject.

Tuan V. Manickavasagam: Workers employed under contract system enjoy the same degree of protection and privileges under the various Labour laws as any other workers. In this case it was the National Mining Workers' Union of Malaya which had adopted a resolution at its Annual Delegates Conference urging the Minister to establish a Commission of Inquiry to inquire into the system of contract employment of workers. In view of the fact that my Ministry was not aware of any discrimination against contract workers in the various Labour laws, it would only be proper for the Union to justify its request for the establishment of a Commission of Inquiry in full.

Act Perhubungan Perusahaan

8. **Dr Tan Chee Khoo** asks the Minister of Labour if he has constituted:

- the Board of Inquiry; and
- the Committee of Investigation under Part VII of the Industrial Relations Act, and if so, the names of members of these bodies.

Tuan V. Manickavasagam: No. Boards of Inquiry and Committees of Investigation are appointed only as and when necessary.

